

Malaysia Baptist Theological Seminary
Jurnal Teologi Edisi 9

Penyunting: Franklin Karong
Penerbit: Malaysia Baptist Theological Seminary
Alamat: Malaysia Baptist Theological Seminary,
40 A-D, Mukim 17, Batu Feringgi, 11100
Penang, Malaysia
Telefon : +604-8811245
Fax: +604-881199
Email: info.mbtss@gmail.com
Cetakan Pertama: Oktober, 2024
ISBN: ISSN 1675-9761



Jurnal Teologi Edisi 9

OBJEKTIF

Objektif utama jurnal ini adalah untuk menggalakkan para pastor, para pemimpin gereja dan angota-anggota komuniti Kristian supaya memupuk keinginan yang kuat untuk menyelidiki tentang iman, kehidupan dan pelayanan Kristian. Maksudnya, jurnal ini bertujuan untuk membangkitkan minat yang tinggi dalam bidang teologi. Disamping itu, jurnal ini juga bertujuan untuk memperkenalkan para pensyarah MBTS dan rakan-rakan seperjuangan mereka kepada komuniti Kristian setempat mahupun sejagat melalui tulisan-tulisan mereka.

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar

1. Eksklusiviti Kristus dalam Yohanes 14:6: Implikasi Teologi untuk Doktrin Keselamatan dan Cabaran Kontemporari
S.S. Gawan.....1-13
2. Memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali dalam Gereja-Gereja Baptis di Sabah
Nicholas Sigurong.....14-33
3. Indigenisasi Kristianiti di kalangan Suku Pribumi dan Cabarannya dalam Era Digital
Franklin Karong34-45
4. Menavigasi Sempadan Baru: Mengatasi Cabaran dalam Model Komunikasi Hibrid Era Pasca Humanisme
Dr. Stephanas Budiono & Dr. Bara I. W. Handaru.....46-67
5. Perbandingan antara Model Pemuridan Kaum Puritan Inggeris dengan Model Pemuridan International Christian Mission, Sarawak
Robin Maramat.....68-81
6. Menangani Kesan Urbanisasi terhadap Gereja Pedalaman: Kajian Kes Gereja BEM Hosanna Empili, Simunjan, Sarawak
Donald A. Ginyan.....82-97
7. Analisis Kesan Pelayanan Sosial GC terhadap Kebajikan Imigran semasa Pandemik Covid-19
Elizabeth Margaretha.....98-104

KATA PENGANTAR

Jurnal Teologi MBTS merupakan satu ruangan untuk para fakulti, para pastor dan pemimpin-pemimpin gereja untuk berkongsi hasil penyelidikan ilmiah serta pandagan mereka. Walaupun diterbitkan sekali-sekala, jurnal ini diharap dapat menggalakkan komuniti Kristian setempat dalam membangun sumber bacaan dan rujukan kesusataan dalam bidang teologi.

Jurnal Teologi edisi ini adalah kumpulan tujuh artikel yang sedikit sebanyak mencerminkan minat dan perhatian para penulis tempatan ketika ini. Para penulis tidak diberikan tema khusus, tetapi sekadar menghadiahkan “harta” yang ditemui hasil penyelidikan mereka.

Sebagai penyunting, saya amat berterimakasih kepada semua penyumbang artikel untuk edisi ini. Semoga setiap pembaca diberkati dan tercabar oleh catatan kajian dan idea-idea yang disampaikan.

Franklin Karong (Ph. D)
Dekan Jabatan Bahasa Malaysia, MBTS
Okttober, 2024.

Eksklusiviti Kristus dalam Yohanes 14:6: Implikasi Teologi untuk Doktrin Keselamatan dan Cabaran Kontemporari

Oleh:
S. S. Gawan

Abstrak

Kenyataan Yesus dalam Yohanes 14:6, "Akulah jalan, kebenaran, dan hidup," adalah teras teologi yang mengesahkan eksklusiviti Kristus. Analisis ini menyelidiki implikasi kenyataan Yesus dalam naratif Injil Yohanes dan kesannya terhadap doktrin Kristian. Dengan meneliti makna istilah utama *-hodos* (jalan), *aletheia* (kebenaran), dan *zoe* (kehidupan); penyelidikan ini mengesahkan bahawa keselamatan hanya ditemui melalui Kristus, menunjukkan sifat unik klaim itu.

Selanjutnya, kajian ini membandingkan pernyataan Yohanes 14:6 dengan teks Perjanjian Baru yang lain, seperti Kisah 4:12 dan Yohanes 10:9, yang menekankan peranan Yesus sebagai pengantara tunggal antara Tuhan dan manusia. Perspektif teologi kontemporari, termasuk pandangan inklusivisme dan pluralisme, juga dibincangkan untuk menghadapi cabaran pluralisme agama dan relativisme pascamoden terhadap tuntutan eksklusif Kristus.

Di samping itu, artikel ini mempertimbangkan implikasi praktikal Yohanes 14:6 untuk doktrin gereja dan kehidupan Kristian, mengesahkan kaitannya dalam konteks masyarakat majmuk. Analisis ini bertujuan untuk mempertahankan integriti tuntutan Kristus dan menyediakan asas yang kukuh untuk kepercayaan bahawa keselamatan hanya dapat diperolehi melalui Yesus.

Kata Kunci: Eksklusiviti Kristus, Yohanes 14:6, Jalan (*hodos*), Kebenaran (*aletheia*), Hidup (*zoe*), Keselamatan, Doktrin Kristian, Pluralisme Agama, Pascamodenisme, Relativisme.

Pengenalan

Dalam dunia yang semakin terhubung dan berbilang budaya, dialog antara agama dan pluralisme agama telah menjadi pusat perbincangan mengenai iman dan kerohanian (Netland 2001, 55). Globalisasi dan kemajuan teknologi telah menyatukan pelbagai tradisi agama, membolehkan pertukaran idea dan persefahaman. Dalam

dinamik ini, tuntutan eksklusiviti Kristian, terutamanya yang mengisyiharkan bahawa Yesus Kristus adalah satu-satunya jalan kepada keselamatan, berdepan dengan cabaran besar (Newbigin 1989, 91).

Artikel ini bertujuan untuk memberikan analisis teologi yang mendalam tentang Yohanes 14:6, dengan menekankan eksklusiviti Kristus sebagai satu-satunya jalan keselamatan. Ia akan menyelidiki konteks di sebalik kenyataan Yesus dan implikasi tuntutan eksklusif-Nya dalam dialog antara agama, khususnya dalam menghadapi pluralisme agama dan relativisme pascamoden (Carson 1991, 98; Stott 2001, 72). Melalui kajian penafsiran dan tinjauan literatur teologi, artikel ini juga bertujuan untuk meneroka bagaimana doktrin ini membentuk ajaran gereja dan misi penginjilan serta memberi panduan tentang cara ajaran Kristian dapat dikekalkan dan disampaikan dengan integriti dalam masyarakat yang semakin beragam.

Metodologi

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan beberapa pendekatan utama untuk memastikan analisis yang mendalam. Pertama, analisis penafsiran teks Yohanes 14:6 akan dilakukan untuk memahami makna asal istilah Yunani seperti *hodos* (jalan), *aletheia* (kebenaran), dan *zoe* (hidup) (Strong 2001, 75). Pendekatan ini melibatkan kajian konteks sejarah dan teologi kenyataan Yesus menggunakan kajian bahasa asal dan ulasan Alkitab (Keener 2003, 292). Selain itu, tinjauan literatur teologi akan membandingkan Yohanes 14:6 dengan petikan Perjanjian Baru yang lain yang menegaskan eksklusiviti keselamatan melalui Kristus. Refleksi teologi praktikal juga akan diteroka untuk menilai implikasi kenyataan ini bagi pengajaran gereja, misi penginjilan, dan kehidupan Kristian.

Konteks Sejarah, Budaya, dan Sastera Yohanes 14:6

Dalam konteks Yahudi abad pertama, keselamatan sering dikaitkan dengan ketaatan kepada Hukum Taurat dan amalan keagamaan (Wright 1999, 102). Tuntutan Yesus dalam Yohanes 14:6 mencabar paradigma ini dengan menyatakan bahawa Dia sendiri adalah satu-satunya "jalan" kepada Bapa. Dalam tradisi Yahudi, "jalan" sering digunakan sebagai metafora untuk gaya hidup yang benar dan jalan menuju Tuhan, seperti dalam Mazmur 1:6: "Kerana TUHAN mengenal jalan orang benar, tetapi jalan orang fasik menuju kebinasaan" (AVB). Dengan demikian, Yesus menegaskan bahawa segala usaha manusia untuk mendekati Tuhan selain melalui-Nya adalah sia-sia (Morris 1995, 660).

Yohanes 14:6 muncul dalam konteks "Ceramah Perpisahan" di mana Yesus menenangkan murid-murid-Nya sebelum penyaliban-Nya. Kenyataan ini merupakan pengajaran tentang peranan Yesus sebagai pengantara tunggal antara Tuhan dan manusia, menggambarkan hubungan yang erat antara Yesus dan Bapa (Carson 1991, 114).

Frasa "Akulah" (*Ego Eimi*): Klaim KeTuhanan Yesus

Penggunaan frasa "Aku" (*ego eimi*) dalam Yohanes 14:6 mempunyai makna teologi yang mendalam dan kuat. Frasa *ego eimi* dalam bahasa Yunani bukan sekadar kenyataan diri biasa. Dia mengulangi pengisytiharan TUHAN dalam Keluaran 3:14, "AKULAH AKU" (*Ehyeh asher Ehyeh*). Dalam terjemahan Septuaginta, frasa ini diterjemahkan sebagai *ego eimi ho ôn* ("Akulah yang ada"), mengesahkan sifat Tuhan sebagai kekal dan mutlak. Menggunakan frasa ini, Yesus mengaitkan diri-Nya dengan Tuhan Perjanjian Lama, yang menandakan peranan dan identiti-Nya sebagai Tuhan yang benar (Carson 1991, 90).

Dalam Injil Yohanes, *ego eimi* muncul beberapa kali dan sentiasa menunjukkan tuntutan Yesus kepada ketuhanan. Sebagai contoh, dalam Yohanes 8:58, Yesus berkata, "Sebelum Abraham wujud, *ego eimi*," yang membuatkan orang Yahudi mahu melempari Dia, kerana mereka memahami implikasi ilahi tuntutan itu (Bruce 1983, 297).

Penggunaan frasa *ego eimi* mengukuhkan identiti Yesus sebagai Tuhan. Dia membayangkan bahawa Yesus adalah penjelmaan Tuhan yang membawa wahyu dan kehidupan ilahi kepada dunia. Dalam konteks Injil Yohanes, pengarang jelas ingin menunjukkan bahawa Yesus adalah Firman yang menjadi manusia (Yohanes 1:14) dan sumber kehidupan kekal. Ahli teologi DA Carson menyatakan bahawa dalam konteks ini, Yesus bukan sahaja membawa kebenaran atau menunjukkan jalan kepada kehidupan; Dia adalah kebenaran dan kehidupan itu sendiri (Carson 1991, 91).

Lebih daripada itu, ahli teologi kontemporari seperti Craig L. Blomberg menekankan bahawa frasa "Aku" dalam Yohanes 14:6 adalah penegasan yang jelas tentang sifat eksklusif Yesus sebagai penyelamat. Oleh itu, penggunaan frasa *ego eimi* dalam Yohanes 14:6 bukan sekadar pernyataan identiti, tetapi tuntutan ilahi yang meletakkan Yesus di tengah-tengah keselamatan dan wahyu ilahi. Ini menjadi tulang belakang pengajaran Kristian, di mana keselamatan dan hubungan dengan Tuhan hanya boleh dilakukan melalui Kristus, "Aku" yang kekal dan benar.

Analisis Istilah “Jalan”, “Kebenaran”, dan “Hidup”

Jalan (*όδός* - *hodos*)

Dalam Yohanes 14:6, Yesus menyatakan, "Akulah jalan..." menggunakan istilah Yunani *hodos* yang secara literal bermaksud "jalan" atau "laluan" (Strong 2001, 75). Dalam konteks ini, *hodos* menandakan laluan eksklusif yang diperlukan untuk mencapai hubungan yang benar dengan Tuhan. Ini bukan sekadar jalan fizikal, tetapi jalan rohani yang menggambarkan satu-satunya cara manusia dapat mendekati Tuhan dengan benar (Morris 1995, 662).

Di dalam tradisi Yahudi, istilah *hodos* digunakan untuk merujuk kepada perjalanan atau cara hidup yang dipimpin oleh hukum Tuhan. Mazmur 1:6 menyatakan, "TUHAN mengenal jalan orang benar, tetapi jalan orang fasik menuju kebinasaan" (AVB), yang menunjukkan bahawa "jalan" juga mengimplikasikan cara hidup yang benar atau sesat. Dalam konteks ini, Yesus menyatakan bahawa Dia adalah *hodos*, bukan sekadar menunjukkan jalan tetapi menjadi jalan itu sendiri, menegaskan eksklusiviti-Nya dalam proses keselamatan.

Pada zaman Perjanjian Baru, orang Kristian awal sering dikenali sebagai "pengikut Jalan" (*hodos*), seperti yang direkodkan dalam Kisah Para Rasul 9:2, 19:9, dan 19:23. Ini menunjukkan bahawa konsep Yesus sebagai "jalan" menjadi identiti utama orang Kristian, memperkuuh pandangan bahawa keselamatan dan hidup yang benar hanya dapat dicapai melalui-Nya.

Kebenaran ini selaras dengan kenyataan Petrus dalam Kisah Para Rasul 4:12, "Dan di dalam Dia sahaja ada keselamatan, kerana tiada nama lain di bawah langit yang diberikan kepada manusia, yang olehnya kita boleh diselamatkan" (AVB). Melalui petikan ini, *hodos* bukan hanya menandakan laluan yang ditunjukkan oleh Yesus, tetapi laluan eksklusif yang Dia wujudkan dan embody. Sebarang percubaan untuk mencapai keselamatan melalui cara lain dianggap tidak sah dan tidak berkesan dalam teologi Kristian (Erickson 1998, 358).

Dalam konteks Greco-Rom, *hodos* juga mengimplikasikan pencarian hikmah dan kehidupan yang benar. F. F. Bruce dalam *The Gospel of John* menyatakan bahawa penggunaan istilah ini oleh Yesus dalam Yohanes 14:6 menunjukkan bahawa Dia tidak hanya memimpin manusia menuju hikmah ilahi tetapi adalah hikmah itu sendiri (Bruce 1983, 297). Ini menekankan pengenalan Yesus bukan sebagai penunjuk arah semata-mata, tetapi sebagai esensi dari laluan menuju kepada Tuhan dan kehidupan kekal.

Kebenaran (*ἀληθεία alētheia*)

Istilah *aletheia* yang diterjemahkan sebagai "kebenaran" merangkumi lebih daripada sekadar fakta atau realiti biasa; ia merujuk kepada realiti tertinggi dan kebenaran mutlak yang hanya terdapat dalam Tuhan (Carson 1991, 89). Dalam dunia pemikiran Yunani, *aletheia* membawa maksud "sesuatu yang tidak tersembunyi" atau "dikenali sepenuhnya." Dalam Injil Yohanes, Yesus digambarkan sebagai pendedahan penuh dan sempurna tentang Tuhan. Yohanes 1:14 menyatakan, "Firman itu telah menjadi manusia dan tinggal antara kita. Kita telah melihat kemuliaan-Nya, kemuliaan sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran" (AVB). Di sini, Yesus adalah personifikasi kebenaran ilahi yang sejati, mengatasi sebarang bentuk kebenaran relatif yang diperjuangkan dalam pemikiran postmodernisme.

Secara Alkitabiah, istilah *aletheia* juga terkait dengan kesetiaan Tuhan dan pemenuan janji-Nya. Dalam Perjanjian Lama, Tuhan sering disebut sebagai Tuhan yang benar, yang berpegang kepada janji-Nya dan wahyu-Nya kepada umat manusia (Mazmur 119:160; Yesaya 65:16). Oleh itu, apabila Yesus menyatakan bahawa Dia adalah "kebenaran," Dia mengisyitiharkan diri-Nya sebagai perwujudan kesetiaan Tuhan dan pewahyuan ilahi sepenuhnya (Keener 2003, 312). Ini adalah satu kenyataan eksklusif kerana Ia menyatakan bahawa kebenaran tentang Tuhan dan jalan kepada keselamatan hanya boleh difahami sepenuhnya melalui Kristus.

Selain itu, dalam dunia pluralistik yang menekankan kebenaran relatif, pernyataan Yesus bahawa Dia adalah "kebenaran" mencabar fahaman bahawa terdapat banyak jalan kepada Tuhan. Carson menegaskan bahawa dalam konteks ini, Yesus bukan sahaja membawa kebenaran atau menyatakan kebenaran; Dia adalah kebenaran itu sendiri – pusat dan puncak segala kebenaran teologi (Carson 1991, 90).

Ahli teologi kontemporari seperti Craig L. Blomberg turut menyokong pandangan ini, dengan menekankan bahawa Yesus sebagai "kebenaran" merangkumi kejujuran, kesetiaan, dan ketulenan yang mengatasi sebarang definisi kebenaran yang lain. Blomberg menekankan bahawa hanya dalam Kristus kebenaran mutlak mengenai Tuhan, dosa, dan keselamatan dapat ditemukan (Blomberg 2001, 204).

Hidup (*ζωή -zōē*)

Kata *zoe* berbeza dengan *bios*, yang merujuk kepada kehidupan biologi atau fizikal. *Zoe*, seperti yang digunakan dalam Injil Yohanes, merujuk kepada kehidupan kekal dan rohani yang datang daripada Tuhan dan yang ditawarkan oleh Yesus kepada semua yang percaya kepada-Nya (Marshall 1990, 142). Yohanes 10:10 menekankan, "Aku datang supaya mereka mempunyai hidup, dan memilikinya dengan sepenuhnya" (AVB). Di sini, Yesus tidak hanya menawarkan kehidupan biologi, tetapi kehidupan rohani yang penuh dan kekal, satu kehidupan yang dicirikan oleh hubungan yang benar dan intim dengan Tuhan.

Dalam Yohanes 14:6, Yesus menyatakan bahawa Dia adalah "hidup." Ini menunjukkan bahawa sumber kehidupan rohani dan kekal terletak pada diri-Nya. Keadaan manusia yang terpisah daripada Tuhan oleh dosa memerlukan pemulihan kepada kehidupan yang sejati, dan Yesus menawarkan pemulihan ini melalui kematian dan kebangkitan-Nya. Menurut Millard Erickson, *zoe* dalam konteks ini mengimplikasikan kehidupan yang tidak hanya berkekalan tetapi berkualiti—ia adalah kehidupan dalam persekutuan yang penuh dengan Tuhan, yang membawa kepada kepuuan dan kebahagiaan rohani (Erickson 1998, 372).

Ahli teologi J. I. Packer juga menekankan bahawa "hidup" yang disebut Yesus adalah kehidupan kekal yang bermula sejak sekarang bagi mereka yang beriman kepada-Nya. Ini adalah kehidupan yang berkongsi sifat ilahi Tuhan, yang hanya dapat dicapai melalui persatuan dengan Kristus (Packer 1973, 182). Oleh itu, Yohanes 14:6 memperkenalkan Yesus sebagai sumber utama kehidupan kekal yang tidak dapat diperoleh melalui cara atau jalan lain.

John Stott pula menekankan bahawa apabila Yesus menyatakan diri-Nya sebagai "hidup," Dia menegaskan bahawa di luar hubungan dengan-Nya, tiada kehidupan rohani yang sejati. Stott menegaskan bahawa ini adalah intipati ajaran Kristian: hidup yang kekal dan penuh hanya boleh didapat melalui Yesus, dan tanpa Dia, manusia tetap berada dalam keadaan kematian rohani (Stott 2001, 104).

Kesimpulan

Dengan menganalisis tiga istilah utama dalam Yohanes 14:6—*hodos* (jalan), *aletheia* (kebenaran), dan *zoe* (hidup)—dapat dilihat bahawa Yesus mengisyiharkan diri-Nya sebagai satu-satunya jalan kepada keselamatan, kebenaran ilahi yang mutlak, dan sumber kehidupan kekal. Kesemuanya menekankan sifat eksklusif Kristus

dalam membawa manusia kepada hubungan yang benar dengan Tuhan. Petikan ini tidak sekadar menjadi tuntutan teologi, tetapi menjadi asas iman Kristian yang menolak sebarang bentuk pluralisme dan relativisme.

Eksklusiviti Kristus dalam Keselamatan

Kenyataan Yesus, "Tiada seorang pun yang dapat datang kepada Bapa kecuali melalui Aku," adalah satu kenyataan teologi mengenai keselamatan eksklusif melalui-Nya (Wright 1999, 94). Ini menekankan bahawa keselamatan tidak boleh dicapai melalui mana-mana cara lain kecuali melalui iman kepada Kristus, memperkuuhkan doktrin bahawa Kristus adalah pengantara tunggal antara Tuhan dan manusia. Pandangan ini bertentangan secara langsung dengan idea pluralisme yang mencadangkan banyak laluan kepada keselamatan (Netland 2001, 112).

Dengan menyatakan bahawa Dia adalah "jalan," Yesus menolak gagasan bahawa cara lain boleh membawa kepada keselamatan, menegaskan kepercayaan Kristian bahawa keselamatan hanya melalui-Nya (Morris 1995, 668). Kisah Para Rasul 4:12 menyokong kenyataan ini dengan jelas, menyatakan, "Dan di dalam Dia sahaja ada keselamatan..." (AVB).

Cabaran Kontemporari Terhadap Eksklusiviti Yesus dalam Soteriologi

Pluralisme Agama

Pluralisme agama merupakan cabaran utama terhadap klaim eksklusiviti Yesus dalam konteks soteriologi. Pandangan pluralisme menegaskan bahawa semua agama adalah jalan yang sah menuju keselamatan, masing-masing menawarkan perspektif dan jalan yang berbeza tetapi sama pentingnya dalam mencapai kebenaran rohani. Menurut para penyokong pluralisme seperti Paul F. Knitter, agama-agama di dunia bukanlah saingen tetapi cara-cara yang berbeza untuk memahami realiti ilahi yang sama (Knitter 2002, 45). John Hick, salah seorang pemikir terkemuka dalam teologi pluralisme, berpendapat bahawa pelbagai pengalaman agama adalah manifestasi berbeza daripada Tuhan yang satu. Dalam pandangannya, semua agama adalah laluan yang sah dan setara menuju kepada Tuhan, dan oleh itu, gagasan tentang eksklusiviti Kristus adalah terlalu sempit dan tidak menghargai kepelbaaan pengalaman rohani manusia (Hick 1995, 22).

Pendekatan pluralisme agama secara langsung mencabar pernyataan Yesus sebagai "jalan, kebenaran, dan hidup," kerana ia menolak idea bahawa hanya ada satu jalan kepada Tuhan. Pluralisme juga menimbulkan pertanyaan kritikal: jika Tuhan itu Maha Pengasih, mengapa hanya ada satu jalan menuju keselamatan? Ini adalah hujah yang sering digunakan oleh penyokong pluralisme untuk menolak eksklusiviti Kristian. Dalam konteks dunia yang semakin beragam dan majmuk, pluralisme agama menjadi semakin menarik kerana ia mempromosikan toleransi dan saling memahami antara pelbagai agama.

Sebagai tindak balas, teologi Kristian perlu menjelaskan mengapa klaim eksklusif Kristus bukan sahaja sah tetapi juga penting bagi iman Kristian. D. A. Carson berhujah bahawa Yohanes 14:6 bukan sekadar klaim yang bersifat sempit atau eksklusif untuk kepentingan sendiri, tetapi adalah kenyataan mengenai sifat Tuhan dan cara penyelamatan manusia yang telah dinyatakan dalam Yesus Kristus (Carson 1991, 102). Selain itu, Alkitab menekankan bahawa keselamatan adalah berdasarkan kasih karunia Tuhan dan bukan hasil usaha manusia atau pencarian rohani melalui pelbagai agama. Oleh itu, penolakan terhadap eksklusiviti Kristus tidak hanya bermakna menolak ajaran Kristian, tetapi juga menolak perwujudan kasih dan wahyu Tuhan yang lengkap dalam diri Kristus.

Relativisme Pascamoden

Relativisme pascamoden memberikan cabaran tambahan terhadap klaim eksklusiviti Yesus dengan menyatakan bahawa kebenaran adalah subjektif dan bergantung kepada konteks sosial, budaya, dan pengalaman individu. Dalam kerangka pemikiran pascamoden, kebenaran bukanlah sesuatu yang mutlak dan universal, tetapi relatif—bermakna bahawa setiap individu atau kelompok boleh memiliki "kebenaran" mereka sendiri. Dengan pemikiran seperti ini, tuntutan seperti Yohanes 14:6, yang menyatakan Yesus sebagai satu-satunya "jalan, kebenaran, dan hidup," kelihatan sempit dan tidak relevan bagi masyarakat yang memegang pandangan bahawa setiap orang boleh mempunyai jalannya sendiri menuju kebenaran dan kehidupan rohani (Erickson 1998, 385).

Pandangan pascamoden ini membawa kepada kritikan bahawa klaim eksklusiviti Kristus adalah terlalu dogmatik dan tidak menghormati pelbagai pengalaman rohani dan budaya. Relativisme mengajukan bahawa setiap agama atau kepercayaan adalah benar bagi pengikutnya, dan oleh itu, tiada agama yang berhak mengklaim bahawa ia memiliki kebenaran yang mutlak. Dalam konteks ini, ajaran Kristian mengenai eksklusiviti Kristus sering disalahertikan sebagai

ketidakmampuan untuk menghargai kebenaran agama lain dan sebagai bentuk keangkuhan rohani.

Teologi Kristian perlu merespons cabaran ini dengan cara yang mempertahankan kebenaran yang mutlak dalam Kristus, sambil tetap menghormati dan memahami konteks budaya dan rohani yang beragam. John Stott menekankan bahawa dalam menghadapi relativisme, orang Kristian harus menegaskan bahawa kebenaran tentang Tuhan tidak dapat ditentukan oleh pendapat manusia, tetapi harus berdasarkan wahyu Tuhan yang penuh dan final dalam Yesus Kristus (Stott 2001, 88). Pernyataan Yesus dalam Yohanes 14:6 bukanlah produk dari perspektif manusia yang terhad, tetapi merupakan pengisytiharan Tuhan sendiri mengenai jalan keselamatan.

Selain itu, teologi Kristian dapat menjelaskan bahawa klaim eksklusif Yesus tidak bertentangan dengan kasih dan penerimaan, tetapi sebenarnya merupakan ekspresi kasih Tuhan yang menawarkan keselamatan kepada semua orang melalui Yesus. Relativisme pascamoden yang menolak kebenaran mutlak mungkin memberikan kesan keterbukaan, tetapi ia juga membawa risiko membiarkan orang kehilangan jalan kepada kebenaran sejati yang dinyatakan dalam Kristus. Dengan menegaskan bahawa Yesus adalah "jalan, kebenaran, dan hidup," teologi Kristian menawarkan harapan dan kepastian dalam dunia yang sering keliru tentang makna dan tujuan hidup.

Kesimpulannya, baik pluralisme agama maupun relativisme pascamoden memberikan cabaran yang serius terhadap klaim eksklusiviti Yesus. Namun, dengan menegaskan bahawa klaim tersebut berakar pada sifat dan wahyu Tuhan yang mutlak dalam Yesus Kristus, teologi Kristian dapat menjawab cabaran ini secara berkesan. Ini menekankan bahawa eksklusiviti Kristus bukanlah sekadar klaim sempit, tetapi adalah tawaran kasih Tuhan kepada semua manusia, yang memberi jalan yang pasti dan benar kepada kehidupan kekal.

Eksklusiviti Yesus dan Implikasi Terhadap Teologi dan Amalan Kristian

Doktrin untuk Gereja

Yohanes 14:6 memainkan peranan penting dalam membentuk doktrin keselamatan dan peranan eksklusif Kristus sebagai pengantar antara Tuhan dan manusia. Kenyataan Yesus ini menekankan bahawa keselamatan tidak dapat dicapai melalui usaha manusia, hukum agama, atau jalan lain, tetapi hanya melalui iman kepada-Nya (Morris 1995, 672). Implikasi ini menjadikan Kristus sebagai pusat segala pengajaran dan amalan gereja. Dalam hal ini, gereja dipanggil untuk menekankan

perlunya iman kepada Kristus sebagai syarat mutlak untuk keselamatan, sebagaimana dinyatakan oleh Paulus dalam Efesus 2:8-9, "Sebab oleh kasih karunia kamu diselamatkan melalui iman; dan itu bukan hasil usahamu, tetapi pemberian Allah" (AVB). Oleh itu, ajaran gereja harus berpusat pada pemberitaan Injil yang berakar pada pengakuan bahawa hanya Kristus yang dapat membawa manusia kepada Tuhan.

Lebih jauh lagi, implikasi ini mengarahkan liturgi dan ibadah gereja untuk menjadikan Kristus sebagai pusat. A. W. Tozer menegaskan bahawa "ibadah yang benar selalu berpusat pada Tuhan dalam Kristus" (Tozer 1991, 56). Ini bermaksud segala amalan liturgi, seperti doa, nyanyian puji-pujian, dan pengajaran firman Tuhan, harus berorientasi kepada pengakuan akan eksklusiviti Kristus sebagai satu-satunya jalan kepada keselamatan. Dalam pengajaran moral dan etika, gereja juga diingatkan untuk menekankan ajaran Yesus sebagai pedoman hidup yang sejati, menolak relativisme moral dan menunjukkan bahawa hidup yang benar hanya dapat ditemukan dalam mengikuti jejak langkah Kristus (Erickson 1998, 391).

Pengaruh Terhadap Penginjilan

Pernyataan Yesus dalam Yohanes 14:6 juga memberikan dasar teologi yang kukuh untuk penginjilan. Klaim eksklusiviti Kristus menjadi motivasi yang kuat bagi orang percaya untuk memberitakan Injil kepada dunia. Jika Yesus adalah satu-satunya jalan kepada keselamatan, maka menjadi tanggungjawab setiap orang Kristian untuk menyampaikan kebenaran ini kepada orang lain. Dalam konteks misi penginjilan, ini bermakna panggilan untuk menekankan keunikan dan keperluan iman kepada Kristus sebagai satu-satunya penyelamat manusia (Stott 2001, 96).

Dalam masyarakat yang semakin pluralistik, penginjilan menghadapi cabaran untuk menyampaikan berita Injil dengan cara yang sensitif tetapi tegas. N. T. Wright mencadangkan bahawa, dalam konteks ini, gereja harus menyampaikan kebenaran tentang Kristus dengan penuh kasih, tanpa menjelaskan sifat eksklusif-Nya (Wright 1999, 115). Pendekatan ini melibatkan penghormatan terhadap keyakinan agama lain sambil tetap berpegang kepada klaim bahawa keselamatan hanya ditemukan dalam Yesus. Penginjilan dengan pendekatan seperti ini menghindari sikap angkuh dan mendominasi, sebaliknya menawarkan harapan dan kasih Tuhan yang ada dalam Kristus.

Selain itu, pemahaman bahawa Yesus adalah "jalan, kebenaran, dan hidup" mendorong orang percaya untuk hidup sebagai saksi yang hidup. Seperti yang dinyatakan oleh Christopher J. H. Wright, misi gereja tidak hanya melibatkan pemberitaan dengan kata-

kata, tetapi juga mempraktikkan kasih, keadilan, dan kebenaran Kristus dalam kehidupan sehari-hari (Wright 2006, 24). Melalui kesaksian ini, orang Kristian dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kehidupan yang sejati dan penuh hanya ditemukan melalui hubungan dengan Yesus.

Kaitan dalam Kehidupan Kristian

Pernyataan Yesus sebagai "jalan, kebenaran, dan hidup" menjadi asas dan panduan bagi kehidupan harian orang Kristian. Ia memanggil orang percaya untuk memiliki komitmen peribadi yang mendalam kepada Kristus, mempercayai bahawa hanya melalui-Nya mereka dapat menemukan kebenaran dan hidup yang sejati (Carson 1991, 107). Pemahaman ini menuntut pengikut Kristus untuk menjalani hidup yang ditandai dengan kepercayaan, ketaatan, dan pengabdian kepada-Nya.

Dalam hal kelakuan beretika, pengakuan bahawa Yesus adalah kebenaran menolak relativisme moral dan menuntut orang Kristian untuk hidup berdasarkan ajaran-Nya. John Stott menekankan bahawa mengikuti Yesus sebagai "jalan" memerlukan hidup dalam cara yang mencerminkan kebenaran dan kasih Tuhan, serta menolak cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Injil (Stott 2001, 103). Hidup sebagai saksi Kristus bermakna mengasihi orang lain, mempraktikkan keadilan, dan menunjukkan belas kasihan seperti yang diteladankan oleh Yesus.

Lebih lanjut, pemahaman bahawa Yesus adalah "hidup" memberikan perspektif rohani yang mendalam bagi orang Kristian. Ia membawa kesedaran bahawa hidup yang sejati bukanlah sekadar keberadaan fizikal, tetapi hidup dalam persekutuan dengan Tuhan. Ini memberikan penghiburan dan pengharapan bagi orang percaya, khususnya dalam menghadapi kesulitan dan penderitaan. Ahli teologi seperti J. I. Packer menegaskan bahawa pernyataan ini memberi pengikut Kristus jaminan bahawa melalui hubungan dengan Yesus, mereka memiliki hidup yang kekal, yang membawa pengharapan di tengah dunia yang fana (Packer 1973, 182).

Kesimpulannya, Yohanes 14:6 memiliki implikasi teologi dan praktikal yang mendalam bagi gereja dan kehidupan Kristian. Ia mengarahkan pengajaran dan ibadah gereja untuk berpusat kepada Kristus sebagai satu-satunya jalan keselamatan, memberi asas yang kuat bagi penginjilan, dan menyediakan panduan bagi kehidupan beriman yang sejati. Dengan memahami dan menjalani kebenaran ini, orang percaya dapat menegakkan kesaksian mereka di dunia, mengajak orang lain untuk menemukan keselamatan dan hidup yang penuh melalui Yesus Kristus.

Kesimpulan

Eksklusiviti Kristus dalam Yohanes 14:6 merupakan pusat kepada pemahaman teologi Kristian mengenai keselamatan. Penyelidikan ini telah mengkaji makna teologi dan implikasi pernyataan Yesus sebagai "jalan, kebenaran, dan hidup," yang menegaskan kedudukan-Nya sebagai satu-satunya jalan kepada Tuhan. Eksklusiviti ini menjadi asas mutlak bagi iman Kristian, membentuk pemahaman tentang keselamatan, dan menekankan peranan unik Kristus sebagai pengantara antara Tuhan dan manusia. Implikasi praktikal ajaran ini tercermin dalam kehidupan Kristian harian, pelayanan gereja, dan usaha penginjilan, terutamanya dalam menghadapi realiti masyarakat yang semakin majmuk.

Bibliografi

- Carson, D. A. *The Gospel According to John*. Grand Rapids: Eerdmans, 1991.
- Erickson, Millard J. *Christian Theology*. Grand Rapids: Baker Academic, 1998.
- Hick, John. *A Christian Theology of Religions: The Rainbow of Faiths*. Louisville: Westminster John Knox Press, 1995.
- Keener, Craig S. *The Gospel of John: A Commentary*. Peabody: Hendrickson Publishers, 2003.
- Knitter, Paul F. *Introducing Theologies of Religion*. Maryknoll: Orbis Books, 2002.
- Marshall, I. Howard. *New Testament Theology: Many Witnesses, One Gospel*. Downers Grove: IVP Academic, 1990.
- Morris, Leon. *The Gospel According to John*. Grand Rapids: Eerdmans, 1995.
- Netland, Harold A. *Encountering Religious Pluralism: The Challenge to Christian Faith and Mission*. Downers Grove: IVP Academic, 2001.
- Stott, John. *The Message of John*. Downers Grove: IVP Academic, 2001.
- Strong, James. *The New Strong's Exhaustive Concordance of the Bible*. Nashville: Thomas Nelson, 2001.
- Wright, N. T. *Jesus and the Victory of God*. New York: HarperOne, 1999.

Memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali di Gereja-Gereja Baptis Sabah

*Oleh:
Ps. Nicholas Sigurong*

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pemahaman dan pemerkaasan Doktrin Kelahiran Kembali dalam kalangan gereja-gereja Baptis di Sabah. Terdapat kekeliruan mengenai identiti seorang Kristian, di mana banyak yang menganggap diri mereka Kristian melalui kelahiran dalam keluarga Kristian, penyertaan dalam ritual gereja, atau hanya dengan mengucapkan “doa terima Yesus”. Artikel ini menegaskan bahawa kelahiran kembali adalah titik permulaan sebenar kehidupan seorang Kristian yang sejati. Melalui kajian ini, penulis menilai tahap pemahaman umat Baptis tentang Doktrin Kelahiran Kembali, termasuk kesalahpahaman umum dan cabaran dalam pengajaran doktrin tersebut di gereja-gereja Baptis di Sabah.

Artikel ini turut membincangkan isu murtad dalam konteks doktrin ini serta menyeru para pastor dan gereja Baptis untuk memperkuuhkan pengajaran mengenai kelahiran kembali. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan data yang dikumpul melalui temu ramah dengan jemaat gereja. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pemahaman asas tentang doktrin ini, namun penekanan dan pengajaran yang lebih mendalam masih diperlukan untuk memperkasakan pemahaman ini. Artikel ini mengemukakan cadangan untuk memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali melalui khutbah, pengajaran di peringkat akar umbi, dan seminar, demi memastikan identiti Kristian yang sejati dalam kalangan umat Baptis di Sabah.

Kata kunci: Doktrin Kelahiran Kembali, Gereja Baptis, Pemahaman Kristian, Murtad, Pemerkaasan Teologi

Pengenalan

Terdapat beberapa tanggapan yang salah tentang identiti seorang kristian. Yang pertama, kesalahfahaman bahawa menjadi orang Kristian adalah apabila seseorang lahir di dalam keluarga Kristian. Kedua, seseorang itu dianggap sudah menjadi Kristian apabila sudah melalui atau melakukan upacara-upacara ritual kudus yang dianjurkan gereja seperti kelas katekisme, baptisan, penetapan

dan sebagainya. Yang ketiga, di dalam era moden ini, model-model penginjilan yang menginginkan hasil yang segera melakukan cara-cara seperti memanggil atau mencabar orang untuk mengucapkan doa terima Yesus (*Sinner's Prayer*) dimana setelah seseorang melakukan hal itu, si pengkhutbah begitu lekas menyatakan bahawa orang yang mengucapkan doa itu sebagai sudah menjadi orang Kristian.

Hal ini menjadi masalah besar kerana Kristian menjadi sebatas agama sahaja dan bukan lagi soal hubungan peribadi yang nyata dengan Allah. Apa yang diabaikan oleh semua yang disebut di atas ialah konsep kelahiran kembali. Kelahiran kembali adalah titik sebenar permulaan seorang Kristian yang sejati.¹ Oleh itu kajian ini akan melihat sejauh mana pemahaman orang-orang Kristian khususnya orang-orang Baptis tentang Doktrin Kelahiran Kembali. Adakah doktrin ini telah dilupakan dan adakah pengajaran tentang doktrin ini cukup mantap sehingga difahami oleh umat Baptis.

Latarbelakang Denominasi Baptis Di Sabah

Sejarah gereja-gereja Baptis di Malaysia bermula hasil daripada misi orang imigran Baptis dari Swatow, China pada tahun 1905.² Kisah bermula apabila Encik Oh Hock Teck dan keluarganya daripada Swatow China datang ke Malaya untuk memulakan hidup baru. Gereja Baptis pertama ditubuhkan di Alor Setar, Kedah iaitu pada 21 Oktober tahun 1938 dengan nama Kedah Oversea-Chinese Baptist Church yang kemudiannya dinamakan Oversea-Chinese Swatow Baptist Church.³ Sejak itu gereja-gereja Baptis terus ditanam di Semenanjung Malaysia dengan dibantu Lembaga Misi Luar Negara (*Foreign Mission Board*).

Di sebelah timur Malaysia, Gereja Baptis mula menapak di Sabah pada awal era 60-an. Pada tahun 1964, Lembaga Misi Luar Negara (FMB) telah menghantar Carl dan Mary Yamell ke Jesselton (kini Kota Kinabalu) untuk memulakan misi di Sabah.⁴ Setahun selepas itu iaitu pada 21 Mac 1965 ditubuhkan Gereja Baptis pertama

¹ Sproul, R.C., *What Does It Mean to Be Born Again*, (MI: Grand Rapids, 2010), 24.

² Brackney, William H., *Historical Dictionary of the Baptists*, (USA: Scarecrow Press, 2009), 362

³ Bobby and Dorothy Evans, *Great Things He Has Done!* (Petaling Jaya: MBC, 2003), 22.

⁴ Bobby and Dorothy Evans, 34.

di Sabah iaitu Gereja Baptis Jesselton yang kemudian ditukar nama kepada Gereja Baptis Likas tiga tahun sesudah itu iaitu pada tahun 1965.⁵ Sejak itu penanaman gereja terus dilakukan di Sabah dan kini sudah terdapat lebih 25 buah gereja Baptis di seluruh Sabah.

Kepentingan Kajian

Setelah beberapa dekad gereja-gereja Baptis di Sabah telah melalui fasa pertumbuhan yang baik. Generasi kristian yang pertama adalah mereka yang menerima Injil pada mulanya yang kebanyakannya meninggalkan kepercayaan lama seperti animisme, agama pagan atau kepercayaan-kepercayaan lain. Selalunya generasi pertama ini adalah orang-orang yang benar-benar komited mengikuti Tuhan dan telah dilahirkan kembali. Setelah generasi pertama, menyusul generasi kedua, ketiga dan seterusnya yang lahir dari generasi pertama. Generasi yang seterusnya inilah yang dianggap Kristian secara kelahiran. Orang-orang yang lahir dan membesar dalam komuniti kristian menganggap diri mereka sudah menjadi kristian tetapi sebenarnya belum mengalami kelahiran kembali.

Isu lain yang sering terjadi dalam kalangan orang Kristian yang hidup dalam suatu masyarakat majmuk adalah masalah murtad dan pindah agama. Ramai orang mengaitkan isu murtad dan pindah agama sebagai isu biasa yang didorong oleh berbagai faktor luaran seperti perkahwinan, dakwah agama lain, ganjaran dan sebagainya. Namun dalam kajian ini, isu ini akan dilihat dari sudut Doktrin Kelahiran Kembali. Isunya adalah adakah benar orang yang murtad dan pindah agama itu orang yang telah dilahirkan kembali atau bolehkah orang yang telah dilahirkan kembali murtad dan berpaling daripada Yesus?

Oleh itu, kajian ini penting untuk menggesa supaya gereja-gereja Baptis khususnya para pastor menilai pertumbuhan jemaat mereka secara rohani. Adakah jemaat mereka sudah benar-benar mengalami kelahiran kembali? Adakah Doktrin Keselamatan diajarkan dengan baik dan jelas? Adakah jemaat sudah tahu bahawa orang Kristian yang sejati adalah orang-orang yang telah dilahirkan kembali? Kajian ini adalah untuk menggesa supaya gereja-gereja Baptis di Sabah memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali di gereja mereka.

⁵ Bobby and Dorothy Evans, 34.

Batasan Kajian

Ada beberapa batasan di dalam kajian ini. Yang pertama, sampel kajian hanya terbatas kepada beberapa gereja Baptis di Sabah sahaja. Sampel kajian tidak secara menyeluruh daripada seluruh negeri Sabah. Gereja-gereja Baptis yang dipilih juga adalah dari kalangan gereja-gereja bumiputera. Walau bagaimanapun, penulis yakin sampel kajian dapat memberi gambaran tentang tahap kefahaman umat Baptis tentang Doktrin Kelahiran Kembali secara keseluruhannya kerana gereja Baptis di Sabah belum begitu banyak.

Yang kedua, kaedah pengumpulan data adalah berdasarkan temu ramah secara tidak formal. Temu ramah ini dijalankan oleh beberapa orang pelajar kelas teologi (para pastor) terhadap jemaat yang mereka gembalakan. Oleh itu data daripada kajian ini tidak secara langsung dikutip oleh penulis sendiri. Namun, penulis sudah menyediakan set soalan dan taklimat kepada pelajar-pelajar sebelum menjalankan temu ramah bagi memudahkan pelajar mendapatkan maklumat yang dikehendaki oleh penulis. Jawapan-jawapan daripada temuramah juga dicatat dan data inilah yang akan dianalisa oleh penulis.

Perspektif Kontemporari Tentang Topik Kajian

Seperti yang sudah dinyatakan pada bahagian Kepentingan Kajian (Bab 1), generasi yang lahir dalam keluarga Kristian mungkin mempunyai tanggapan bahawa mereka adalah orang Kristian. Melakukan ritual seperti baptisan, pelajaran Alkitab, penetapan gereja memberikan harapan palsu tentang identiti seorang kristian. Begitu juga dengan mereka yang mengangkat tangan atau yang maju ke depan ketika panggilan mimbar (*altar call*) untuk mengikuti mengucapkan doa menerima Yesus berfikir bahawa mereka sudah menjadi kristian. Mengucapkan doa menerima Yesus mungkin membantu banyak orang tetapi ia juga boleh menjadi sesuatu yang hanya agamawi sahaja jika seseorang tidak sungguh-sungguh mengalami iman dan pertaubatan yang dikerjakan Roh Kudus.

Paul Washer memberi komen ini tentang doa terima Yesus (*sinner's prayer*): “Ya, dengan cara yang sama bahawa ketergantungan pada baptisan bayi untuk keselamatan, menurut pendapat saya, adalah anak lembu emas Reformasi, **doa orang berdosa** (*sinner's prayer*) adalah anak lembu emas hari ini untuk Baptis, Injili, dan semua orang yang telah mengikuti mereka. Doa orang berdosa telah mengirim lebih

banyak orang ke neraka daripada apa pun di muka bumi!”⁶ Paul Washer berbicara demikian mendakwa bahawa orang Kristian sudah lupa tentang doktrin kelahiran kembali.⁷

Hal ini benar kerana semua yang disebut di atas boleh menjadi harapan dan keyakinan palsu kepada seseorang. Seseorang itu akan menganggap dirinya orang Kristian berdasarkan hal-hal lahiriah tetapi tidak berdasarkan keyakinan iman terhadap Yesus Kristus yang diberitakan melalui perkhabaran Injil. Buah pertaubatan juga tidak kelihatan apabila secara rohaninya mereka masih hidup seperti orang yang tidak mengenal Allah. Akhirnya Kristian hanya dilihat sebagai satu cabang agama dari sekian banyak agama yang ada di dunia. Kristian yang sebenar harus didefinisikan dengan jelas bagi generasi baru ini.

Oleh itu, Doktrin Kelahiran Kembali harus diperkasakan di gereja. Pastor-pastor memainkan peranan penting dalam memastikan doktrin ini diajarkan dengan baik. Pertaubatan dan iman harus dititikberatkan dari mimbar gereja. Sudah tentunya pendekatan penginjilan juga harus disemak semula. Model-model penginjilan yang mempromosikan teologi yang cetek dan mengharapkan hasil yang segera harus ditolak. Umat Baptis harus segera kembali ke dasar Alkitab dan Kristian yang sebenar.

Perspektif Alkitabiah tentang Kelahiran Kembali

Pada bahagian ini akan membahaskan secara Alkitabiah tentang Doktrin Kelahiran Kembali. Pembahasan tentang doktrin ini adalah berdasarkan pegangan secara umum umat Protestan-Injili.

Erti Kelahiran Kembali (Regenerasi)

Kelahiran kembali atau regenerasi merupakan suatu konsep yang sukar dijelaskan oleh bapa-bapa gereja sejak berkurun lamanya setelah abad pertama. Louis Berkhof dalam buku Teologi Sistematiknya berkata: “Dalam fikiran Gereja awal istilah “regenerasi” tidak berdiri dengan konsep yang sangat jelas. Ia digunakan untuk menunjukkan perubahan yang terkait erat dengan penghapusan dosa, dan tidak ada perbezaan yang jelas antara regenerasi dan pemberian. Bahkan Agustinus tidak menarik garis pemisah yang tajam di sini,

⁶ Washer, Paul, *Ten Indictments Against the Modern Church*, (USA: HeartCry Missionary Society, 2008), 25.

⁷ Washer, Paul, 22.

tetapi membezakan antara regenerasi dan konversi. Baginya regenerasi termasuk, selain pengampunan dosa, hanya perubahan awal dihati, diikuti dengan pertaubatan di kemudian hari. Dia menganggapnya sebagai karya Tuhan yang sangat monergis, di mana manusia tidak dapat bekerjasama, dan yang tidak dapat dilawan oleh manusia.”⁸

Bahkan pada zaman reformasi abad ke-17, pentakrifan tentang kelahiran kembali masih belum jelas. Martin Luther juga tidak terlepas dari kebingungan antara kelahiran kembali dengan pembernanan. Beliau berbicara tentang kelahiran kembali dalam erti yang agak luas. John Calvin juga menggunakan istilah itu dalam pengertian yang sangat komprehensif sebagai penunjukan seluruh proses yang olehnya manusia diperbaharui termasuk di samping tindakan ilahi yang memulai hidup baru, juga pertaubatan dan pengudusan. Beberapa penulis abad ketujuh belas juga gagal membezakan antara regenerasi dan pertaubatan, dan menggunakan kedua istilah tersebut secara bergantian, memperlakukan apa yang sekarang kita sebut regenerasi di bawah panggilan efektif.⁹

Dalam teologi Reformed, kata “kelahiran kembali” umumnya digunakan dalam pengertian yang lebih terbatas, sebagai suatu sebutan dari tindakan ilahi yang dengannya orang berdosa diberkahi dengan kehidupan rohani yang baru, dan dengannya prinsip kehidupan baru itu pertama kali terjadi. Wayne Grudem mendefinisikan kelahiran kembali sebagai “tindakan rahsia Allah di mana Ia memberikan kehidupan rohani yang baru kepada kita.”¹⁰ Christian Robirosa juga seakan menyetujui dengan mentakrifkan kelahiran kembali seperti berikut: “Kelahiran kembali adalah tindakan Allah melalui Roh Kudus-Nya untuk menyelamatkan orang-orang pilihan-Nya dengan memberikan hati yang baru sehingga mereka dapat meresponi panggilan perpalingan dan dapat hidup di dalam seluruh proses keselamatan selanjutnya (Pengudusan). Peristiwa kelahiran kembali ini merupakan sesuatu yang misterius, tidak dapat sepenuhnya dijelaskan bagaimana terjadinya, tetapi DAPAT DILIHAT HASILNYA dengan adanya perpalingan yang sejati di dalam diri seseorang.”¹¹

⁸ Berkhof, Louis, *Systematic Theology*, (MI: Grand Rapids, 1949), 516.

⁹ Berkhof, Louis, 516.

¹⁰ Grudem, Wayne, *Systematic Theology: Introduction to Bible Doctrine*, (MI: Inter-Varsity Press, 2000), 606.

¹¹ Robirosa, Christian S., *Jalan Pasti ke Surga*, (Batam, Sony Light, 2012), 169.

Jadi dapat disimpulkan bahwa kelahiran kembali adalah pekerjaan Allah melalui Roh Kudus untuk mengubah seseorang untuk percaya dan bertaubat setelah mendengar Injil. Peristiwa kelahiran kembali hanya terjadi satu kali sahaja. Kelahiran kembali adalah suatu mujizat yang luarbiasa dimana Allah menghidupkan seseorang yang mati secara rohani kepada kehidupan yang baru dengan memberi hati yang baru. Inilah yang dijanjikan Allah kepada bangsa Israel di dalam Perjanjian Lama iaitu dalam Yehezekiel 36:26-27 demikian: “Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat. Roh-Ku akan Kuberikan diam di dalam batinmu dan Aku akan membuat kamu hidup menurut segala ketetapan-Ku dan tetap berpegang pada peraturan-peraturan-Ku dan melakukannya.”

Hati yang baru dan Roh Kudus yang tinggal dalam orang percaya adalah hasil daripada kelahiran kembali. Pada hati yang barulah Allah menuliskan Hukum-Nya supaya orang percaya hidup dalam kehendak-Nya. Janji untuk Perjanjian Baru dipetik dari kitab Yeremia 31:31-34 demikian:

“Sesungguhnya, akan datang waktunya, demikianlah firman TUHAN, Aku akan mengadakan perjanjian baru dengan kaum Israel dan kaum Yehuda, bukan seperti perjanjian yang telah Kuadakan dengan nenek moyang mereka pada waktu Aku memegang tangan mereka untuk membawa mereka keluar dari tanah Mesir; perjanjian-Ku itu telah mereka ingkari, meskipun Aku menjadi tuan yang berkuasa atas mereka, demikianlah firman TUHAN. Tetapi beginilah perjanjian yang Kuadakan dengan kaum Israel sesudah waktu itu, demikianlah firman TUHAN: Aku akan menaruh Taurat-Ku dalam batin mereka dan menuliskannya dalam hati mereka; maka Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku. Dan tidak usah lagi orang mengajar sesamanya atau mengajar saudaranya dengan mengatakan: Kenallah TUHAN! Sebab mereka semua, besar kecil, akan mengenal Aku, demikianlah firman TUHAN, sebab Aku akan mengampuni kesalahan mereka dan tidak lagi mengingat dosa mereka.”

Inilah erti kelahiran kembali. Oleh itu, menjadi orang Kristian bukan sekadar pada dasar pegangan agama dan terlibat dalam kalangan orang Kristian tetapi telah benar-benar mengalami sesuatu yang ajaib di dalam kehidupan mereka. Hati mereka telah diubah oleh Tuhan. Hasil yang terlihat adalah mereka beriman dan bertaubat. Para ahli teologia Protestan (Arminian dan Kalvinis) masih berdebat sama ada beriman dan bertaubat mendahului kelahiran kembali atau kelahiran

kembali mendahului iman dan pertaubatan.¹² Namun apa yang pasti, kedua pihak menyetujui bahawa kelahiran kembali adalah identiti seorang Kristian yang sejati.

Secara rumusannya, kelahiran kembali boleh dirumuskan demikian: “Kelahiran kembali adalah tindakan Allah yang berdaulat di mana Dia memberikan hidup-Nya dan sifat-Nya kepada orang berdosa yang percaya (Yohanes 1:12-13; Titus 3:5). Kelahiran pertama manusia adalah natural; kelahiran keduanya adalah spiritual dan ajaib. Kelahiran pertamanya membuatnya menjadi anggota kaum yang jatuh; kelahirannya yang kedua membuatnya menjadi anggota kaum yang ditebus. Kelahiran pertamanya memberinya sifat yang bejat (Efe 2:3); kelahirannya yang kedua membuatnya mengambil bahagian dalam kodrat ilahi (2 Pet 1:4). Saat seseorang dilahirkan kembali ia menerima hidup baru (Yohanes 6:47; 1 Yohanes 5:12) dan posisi baru sebagai anak Allah (Yohanes 1:12; 1 Yohanes 3:1-2). Singkatnya, dia adalah ciptaan baru di dalam Kristus (2 Kor. 5:17).”¹³

Tanda-tanda Orang yang Telah Lahir Kembali

Seperti yang dikatakan Christian Robirosa, walaupun kelahiran kembali adalah suatu peristiwa yang misteri tetapi hasil daripada kelahiran kembali itu dapat dilihat.¹⁴ Ada beberapa tanda yang Alkitab jelaskan tentang orang yang telah dilahirkan kembali. Tanda-tanda tersebut boleh terlihat daripada tulisan surat Rasul Yohanes. Menariknya, Rasul Yohaneslah yang paling banyak menggunakan istilah lahir kembali dalam tulisannya. Tanda-tanda orang yang telah dilahirkan kembali diambil daripada Surat 1 Yohanes. Terdapat 5 Tanda Lahir Baru orang Kristian:

Pengakuan Iman

Tanda lahir yang pertama ialah pengakuan iman tentang Yesus Kristus. 1 Yohanes 5:1 berkata: “**Setiap orang yang percaya,**

¹² Slick, Matt, Does regeneration precede faith or does faith precede regeneration? CARM, diakses pada 23 Oktober 2021, <https://carm.org/about-theology/does-regeneration-precede-faith-or-does-faith-precede-regeneration/>

¹³ Flowers, Leighton, “Does Regeneration Precede Faith? Soteriology 101,” diakses pada 23 Oktober 2021, https://soteriology101.com/2016/03/09/does-regeneration-precede-faith/#_ftn6

¹⁴ Robirosa, Christian S., 169.

bahwa Yesus adalah Kristus, lahir dari Allah; dan setiap orang yang mengasihi Dia yang melahirkan, mengasihi juga Dia yang lahir dari pada-Nya.” Seseorang yang lahir baru adalah mereka yang benar-benar percaya bahawa Yesus adalah Kristus iaitu Yang Diurapi, yang telah datang ke dunia sebagai Penyelamat manusia. Kelihatannya tanda lahir baru ini begitu mudah tetapi kenyataannya ia tidak semudah yang disangkakan kerana akan menyusul tanda-tanda lahir baru yang seterusnya.

Perubahan

1 Yohanes 2:29 berkata: “Jikalau kamu tahu, bahwa Ia adalah benar, kamu harus tahu juga, bahwa **setiap orang, yang berbuat kebenaran, lahir dari pada-Nya.**” Apa yang ketara selepas seseorang dilahirkan kembali ialah akan adanya perubahan pada hidupnya dari segi dia berfikir, bercakap, bertindak dan berperilaku. Dia akan mengamalkan kebenaran. Dr. David Jeremiah berkata demikian: “Apabila kita mula belajar mengamalkan kebenaran, tabiat kita berubah. Kita tidak akan menjadi sempurna tanpa dosa semasa kita berada di planet ini; tetapi jika kita orang Kristian, kita perlu berkelakuan seperti orang Kristian. Jika kita mengatakan bahawa kita telah diselamatkan tetapi tiada apa yang berubah tentang kita, ada sesuatu yang tidak kena. Kita tidak diselamatkan oleh perbuatan baik, tetapi kita diselamatkan untuk perbuatan baik, dan Injil adalah ejen perubahan dalam hidup kita.”¹⁵

Di sinilah kita akan mulai melihat kelainan antara orang yang benar-benar telah dilahirkan kembali dengan orang yang hanya mengikuti agama sahaja. Orang boleh mengaku bahawa mereka percaya Yesus adalah Tuhan seperti tanda lahir baru yang pertama di atas tetapi tidak semua akan benar-benar telah diubah oleh Tuhan dan hidup mengamalkan kebenaran. Sebab itu Paulus berkata bahawa “Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, ia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang (2 Korintus 5:17).”

¹⁵ Jeremiah, David, “5 Birthmarks of the Born-Again Christian,” Crosswalk, diakses pada 23 Oktober 2021, <https://www.crosswalk.com/slideshows/5-birthmarks-of-the-born-again-christian.html>

Mengasihi

Tanda lahir baru yang ketiga ialah mengasihi. 1 Yohanes 4:7 berkata: “Saudara-saudaraku yang kekasih, marilah kita saling mengasihi, sebab kasih itu berasal dari Allah; dan **setiap orang yang mengasihi, lahir dari Allah** dan mengenal Allah.” Tanda ini sangat penting. Pengikut Kristus seharusnya ditandai dengan ini kerana Allah adalah kasih. Jika seseorang mengaku seorang Kristian tetapi sangat membenci orang dan pendendam, ada sesuatu yang tidak kena dengan orang itu. Orang yang benar-benar mengalami kasih Tuhan dan pengampunan daripada-Nya pasti akan terlihat dari sikapnya yang sanggup mengasihi dan mengampuni. Tidak dinafikan ianya mungkin suatu pergumulan yang berat tetapi orang percaya akan ditandai dengan tanda ini.

Mengalahkan Dunia

Tanda keempat lahir baru ialah mengalahkan dunia. 1 Yohanes 5:4 mengatakan: “...sebab **semua yang lahir dari Allah, mengalahkan dunia.** Dan inilah kemenangan yang mengalahkan dunia: iman kita.” Dunia yang dimaksudkan ialah keinginan-keinginan dosa yang ada dalam dunia iaitu keinginan mata, keinginan daging dan keangkuhan hidup. 1 Yohanes 2:15-16 berkata: “Janganlah kamu mengasihi dunia dan apa yang ada di dalamnya. Jikalau orang mengasihi dunia, maka kasih akan Bapa tidak ada di dalam orang itu. Sebab semua yang ada di dalam dunia, yaitu **keinginan daging dan keinginan mata serta keangkuhan hidup**, bukanlah berasal dari Bapa, melainkan dari dunia.”

Sebaliknya orang yang belum lahir baru, sekalipun beragama, mereka akan tertarik kepada hal-hal duniaawi. Mereka akan lebih menuruti keinginan mereka yang tertawan dengan dosa. Ini tidak bermakna bahawa orang Kristian yang telah lahir baru tidak mengalami pencubaan dan godaan. Godaan tetap ada dan orang Kristian juga akan bergumul dengan keinginan-keinginan tadi tetapi mereka sudah memiliki hati yang baru dimana keinginannya untuk menyenangkan Allah adalah yang terutama. Apabila orang Kristian jatuh sehingga menuruti keinginan dunia, dia tidak merasa aman di dalam dirinya. Allah juga akan mendisiplinkannya dan membawanya kembali ke jalan yang benar.

Tidak Hidup dalam Dosa

Tanda kelima orang yang telah lahir baru ialah tidak hidup dalam dosa. 1 Yohanes 3:9 berkata: “**Setiap orang yang lahir dari Allah, tidak berbuat dosa lagi;** sebab benih ilahi tetap ada di dalam dia dan ia tidak dapat berbuat dosa, karena ia lahir dari Allah.” Ayat ini perlu diinterpretasikan dengan berhati-hati. Ia tidak bermaksud bahawa seseorang itu LANGSUNG TIDAK AKAN BERBUAT DOSA lagi kerana dengan interpretasi sedemikian akan bercanggah dengan bahagian-bahagian Alkitab yang lain yang memang jelas menunjukkan bahawa orang percaya juga jatuh dalam dosa.

Terjemahan ayat di atas dalam Bahasa Inggeris lebih menonjolkan makna yang betul. Ayatnya berbunyi demikian: “*No one born of God makes a practice of sinning, for God's seed abides in him; and he cannot keep on sinning, because he has been born of God.*” Frasa **makes a practice of sinning** bermaksud membuat amalan berdosa atau dengan kata lain berdosa itu menjadi sebuah amalan kepada seseorang. Jadi pengertian yang betul dari ayat di atas ialah orang yang telah lahir baru tidak akan menjadikan dosa sebagai amalan hidup.

Perbezaan perlu dibuat di antara “jatuh ke dalam dosa” dan “hidup dalam dosa.” Hidup dalam dosa bermaksud hidup yang terus menerus dikuasai oleh dosa manakala jatuh ke dalam dosa bermaksud ada pada waktu-waktu tertentu orang yang telah dilahirkan kembali akan jatuh melakukan dosa. Orang percaya juga pasti akan bergumul melawan dosa tetapi mereka tidak dengan sengaja ingin terus menerus hidup dalam dosa seolah-olah dosa itu adalah gaya hidup mereka. Roma 6:14 berkata: “Sebab kamu tidak akan dikuasai lagi oleh dosa, karena kamu tidak berada di bawah hukum Taurat, tetapi di bawah kasih karunia.”

Oleh itu, jika ada orang yang mengaku percaya Yesus tetapi hidupnya menunjukkan gaya kehidupan orang yang berdosa dan tiada tanda-tanda pertaubatan, maka orang itu kemungkinan besar belum mengalami kelahiran kembali. Orang yang benar-benar dilahirkan kembali akan kelihatan dari buah-buah kebenaran yang dihasilkannya. Yesus berkata dalam Matius 7:20 “Dari buahnyalah kamu akan mengenal mereka.”

Murtad dan Kelahiran Kembali

Isu murtad ada kaitan dengan konsep kelahiran kembali. Di dalam isu ini, ada dua pandangan tentang murtad. Pertama, ada golongan Kristian yang percaya bahawa orang Kristian yang telah lahir baru boleh murtad dari iman Kristian. Kedua, ada pula golongan Kristian yang percaya bahawa orang Kristian yang benar-benar lahir baru tidak akan murtad untuk selamanya. Golongan yang percaya bahawa murtad boleh berlaku kepada orang yang telah diselamatkan ialah golongan Arminian.¹⁶ Sebaliknya golongan kedua pula terdiri daripada golongan Kalvinis. Golongan Kalvinis percaya bahawa mereka yang murtad sebenarnya adalah golongan yang belum lahir kembali.¹⁷

Penulis memihak kepada pandangan yang kedua bahawa orang Kristian yang telah lahir baru tidak akan murtad. Murtad hanyalah suatu peristiwa yang membuktikan bahawa seseorang itu belum diselamatkan dan belum mengalami kelahiran kembali.¹⁸ Kesalahfahaman yang sering terjadi adalah apabila seseorang mengaku percaya Yesus pada mula-mula tetapi akhirnya menyangkal Kristus dilihat sebagai orang yang dahulunya adalah orang Kristian yang telah diselamatkan, tetapi setelah penyangkalan dia dilihat sebagai orang yang kehilangan keselamatannya. Ini adalah pandangan yang keliru.

Ada beberapa alasan mengapa penulis bersetuju bahawa orang yang murtad belum mengalami kelahiran kembali. Yang pertama, Alkitab jelas menunjukkan bahawa memang akan ada pengikut Yesus yang asli dan pengikut yang palsu. Ada beberapa perumpamaan dan pengajaran Yesus boleh membuktikan ini. Contohnya perumpamaan lalang dan gandum (Matius 13:24-30). Jika diteliti perumpamaan ini, lalang yang dimaksudkan ialah sejenis tumbuhan yang sangat mirip dengan gandum. Lalang itu akan membesar seperti gandum dan sangat sukar untuk dibezakan dari gandum asli. Namun setelah sampai waktu tumbuhan itu matang, akan nampak bahawa gandum berisi dengan biji gandum manakala lalang itu tidak berbuah apa-apa dan tetap berdiri tegak.

¹⁶ Geisler, Norman L., *Systematic Theology*, (USA: Bethany House Publishers,2011) 1199.

¹⁷ Oropesa, B.J., *Paul and Apostasy: Eschatology, Perseverance and Falling Away in the Corinthian Congregation*, (CA: Mohr Siebeck, 2000), 15.

¹⁸ Robirosa, Christian S., 195

Lalang dan gandum adalah gambaran anak-anak Iblis dan anak-anak Allah di dunia. Seringkali anak-anak Iblis juga akan kelihatan seperti anak-anak Tuhan yang lain tetapi sebenarnya mereka adalah saudara palsu. James Montgomery Boice memberi penjelasan ini tentang perumpamaan lalang dan gandum: “Iblis sedang mencampurkan orang Kristian palsu di antara orang Kristian sejati untuk menghalangi pekerjaan Tuhan. Jadi itulah pesan sebenarnya. Apakah lapangan itu dunia atau gereja sebenarnya tidak relevan. Intinya adalah bahawa iblis akan membawa orang-orang (baik di dalam atau di luar gereja) sedemikian rupa seperti orang Kristian sejati, namun bukan orang Kristian, sehingga bahkan hamba-hamba Tuhan tidak akan dapat membezakan mereka.”¹⁹

Contoh kedua dari ajaran Yesus ialah dalam Matius 25:31-46 yang berkisar tentang penghakiman akhir di mana Yesus akan datang dalam kemuliaan-Nya dan mengumpulkan semua bangsa dihadapan-Nya. Yesus lalu dikatakan memisahkan umat manusia dihadapannya seperti memisahkan antara domba dan kambing. Sekali lagi Yesus menggunakan perumpamaan yang mirip seperti lalang diantara gandum. Jika dilihat kambing dan domba lebih kurang sama. Kedua spesis ini buat bunyi mengembek dan makan rumput tetapi ternyata haiwan yang berbeza. Begitu jugalah dengan orang yang belum lahir baru dan Kristian sejati yang telah lahir baru. Keduanya mungkin sama-sama hadir ke gereja, membaca Alkitab dan menyanyi memuji bersama tetapi ternyata mereka berbeza.

Alasan kedua ialah Alkitab mengandung janji bahawa orang percaya iaitu orang yang benar-benar milik-Nya tidak akan hilang tetapi terpelihara sampai akhirnya. Mengatakan bahawa orang yang telah lahir baru boleh murtad secara kekal akan bercanggah dengan janji-janji Tuhan itu. Contohnya Yohanes 6:39 berkata: “Dan Inilah kehendak Dia yang telah mengutus Aku, yaitu supaya dari semua yang telah diberikan-Nya kepada-Ku **jangan ada yang hilang**, tetapi supaya Kubangkitkan pada akhir zaman.” Jika ada pengikut Tuhan yang sejati murtad dan hilang selamanya, ini sama sekali bercanggah dengan ayat di atas. Itu juga seolah-olah menuduh Yesus menipu dengan janji sedemikian atau Dia gagal dalam melindungi milik-Nya.

Yohanes 10:27-29 meneguhkan lagi demikian: “Domba-domba-Ku mendengarkan suara-Ku dan **Aku mengenal mereka** dan mereka mengikut Aku, dan **Aku memberikan hidup yang kekal kepada mereka** dan **mereka pasti tidak akan binasa sampai**

¹⁹ Boice, Montgomery, *The Parables of Jesus*, (IL: Moody Publishers, 1983) 22.

selama-lamanya dan seorangpun tidak akan merebut mereka dari tangan-Ku. Bapa-Ku, yang memberikan mereka kepada-Ku, lebih besar dari pada siapapun, dan **seorangpun tidak dapat merebut mereka dari tangan Bapa.**”

Ayat di atas adalah suatu janji yang sangat meyakinkan. Jika Iblis dapat merebut mereka dari tangan Yesus dan Bapa di Syurga, maka kita seolah-olah mengatakan bahawa Iblis lebih kuat dan janji di atas adalah janji kosong semata-mata. Ada banyak lagi ayat-ayat lain yang memberikan jaminan bahawa orang yang sungguh-sungguh percaya iaitu yang telah lahir kembali akan terpelihara oleh Allah. Ini tidak bermakna bahawa orang yang telah lahir baru tidak akan pernah tenggelam timbul dalam imannya tetapi Allah telah memberi jaminan bahawa Dia akan memelihara mereka sampai akhir (Fil 1:6). Jika mereka jatuh sekalipun, Allah sendiri akan mendisiplinkan anak-anak-Nya dan memastikan bahawa anak-anak-Nya kembali ke jalan yang betul (Ibr 12:7-8, Wah 3:19).

Alasan ketiga penulis percaya bahawa orang yang murtad belum dilahirkan kembali adalah kerana Alkitab mengatakan bahawa orang-orang yang meninggalkan kelompok orang percaya sebenarnya tidak sungguh-sungguh termasuk daripada orang percaya. 1 Yohanes 2:19 berkata: “Memang mereka berasal dari antara kita, tetapi **mereka tidak sungguh-sungguh termasuk pada kita;** sebab jika mereka sungguh-sungguh termasuk pada kita, niscaya mereka tetap bersama-sama dengan kita. Tetapi hal itu terjadi, supaya menjadi nyata, bahwa **tidak semua mereka sungguh-sungguh termasuk pada kita.**”

Petikan ayat di atas adalah dalam konteks penulisan Rasul Yohanes tentang para Antikristus. Antikristus boleh didefinisikan sebagai orang yang melawan Kristus. Definisi ini boleh diaplikasi kepada orang yang murtad juga kerana secara takrifannya murtad adalah penentangan atau pemberontakan terhadap orang atau sesuatu. Orang yang dikatakan antikristus oleh Yohanes adalah orang-orang yang dahulunya pernah bersama-sama dengan kelompok orang percaya, mengaku beriman kepada Kristus tetapi akhirnya pergi meninggalkan mereka. Yohanes berkata bahawa mereka itu “tidak sungguh-sungguh termasuk pada kita.” Dengan kata lain mereka ini juga belum benar-benar lahir baru.

Laporan Kajian dan Analisa

Bahagian ini akan membahaskan tentang laporan kajian dan analisa. Sebelum analisa akan dibahaskan tentang Hipotesis penulis terhadap subjek kajian. Hipotesis itu akan diuji dengan menganalisa

laporan hasil kajian berdasarkan borang kaji selidik yang telah diisi oleh sampel kajian.

Asumsi/Hipotesis Penulis

Ada beberapa asumsi dan hipotesis tentang subjek kajian. Hipotesis adalah seperti berikut:

- i. Tahap pemahaman umat gereja Baptis di Sabah terhadap doktrin keselamatan masih di tahap yang lemah.
- ii. Teologi Arminian lebih menonjol dalam isu murtad dalam kalangan umat Baptis di Sabah

Metodologi Kajian

Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Data kajian diperoleh melalui temuramah. Penulis mendapatkan data kajian dengan bantuan 11 orang pastor Baptis Sabah yang mengikuti Kelas Teologi 2 (Soteriologi) yang diajarkan oleh penulis pada 6-17 September 2021. Temuramah dilakukan oleh 11 orang pastor kepada 2 atau lebih jemaat gereja mereka berdasarkan set soalan yang telah disediakan oleh penulis. Hasil temuramah ditulis dan dihantarkan kembali kepada penulis untuk dianalisis.

Rumusan Analisa Kajian

Daripada analisa kajian, ada beberapa kesimpulan positif yang boleh diambil seperti berikut:

1. Pada peringkat permukaan, secara keseluruhannya semua responden memahami konsep kelahiran kembali.
2. Secara keseluruhannya juga menunjukkan bahawa responden tahu bagaimana mengidentifikasi seseorang yang benar-benar lahir baru.
3. Majoriti responden mengakui bahawa orang yang telah lahir baru tidak akan terus menerus hidup dalam dosa.
4. Majoriti responden juga mengakui bahawa orang yang lahir baru sekalipun tidak mungkin tidak jatuh dalam dosa.

Selain itu, ada juga beberapa isu yang didapati hasil analisa jawapan-jawapan responden di atas iaitu seperti berikut:

1. Masih ada yang mengaitkan kelahiran kembali dengan baptisan air.

-
2. Responden kebanyakannya secara tidak sedar berpegang kepada fahaman Arminian yang berpegang bahawa orang yang lahir baru boleh murtad.
 3. Namun, ramai responden yang belum konsisten dalam fahaman mereka tentang orang yang lahir baru dan kaitannya dengan isu murtad. Ada ketikanya mereka menjawab bahawa ada kemungkinan terjadinya murtad tetapi pada masa yang sama mereka juga menjawab bahawa orang yang murtad sebenarnya belum benar-benar lahir kembali.
 4. Hasil daripada rumusan analisa dan isu yang dibangkitkan di atas, boleh disimpulkan bahawa secara dasarnya, doktrin kelahiran kembali difahami oleh para responden walaupun tidak begitu kukuh lagi. Isu-isu seperti mengaitkan kelahiran kembali dengan baptisan air perlu diambil perhatian oleh pastor sidang. Berkaitan dengan isu murtad, pengajaran tentang erti kelahiran kembali dan erti murtad harus diperhebatkan lagi supaya orang Kristian tahu bahawa murtad hanya membuktikan bahawa seseorang itu bukan murid Yesus yang sejati.

Secara kesimpulannya, hipotesis yang pertama tidak sepenuhnya tepat kerana hasil analisa kajian menunjukkan sudah ada kefahaman dasar tentang doktrin kelahiran kembali. Hipotesis kedua pula adalah tepat kerana fahaman Arminian nampak lebih menonjol dalam kalangan responden. Secara keseluruhannya, penulis tetap berpendapat bahawa Doktrin Kelahiran Kembali perlu diperkasakan dalam gereja Baptis di Sabah.

Implikasi dan Cadangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan dan pemahaman tentang Doktrin Kelahiran Kembali dalam kalangan umat Baptis di Sabah masih belum kukuh sepenuhnya. Masih ada yang berfahaman bahawa baptisan air menunjukkan seseorang telah dilahirkan kembali. Di dalam isu murtad, ramai yang belum mempunyai pandangan yang jelas sama ada orang yang telah dilahirkan kembali boleh murtad atau tidak. Oleh itu, Doktrin Kelahiran Kembali tetap harus diperkasakan.

Cadangan-cadangan

Penulis ingin mencadangkan beberapa langkah penyelesaian untuk menangani isu-isu yang dilihat hasil daripada analisa kajian sekaligus dapat memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali di gereja lokal di Sabah. Cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

Perkasakan Khutbah Ahad

Tempat yang paling berkuasa dan sangat sesuai untuk perkasakan Doktrin Kelahiran Kembali adalah melalui mimbar gereja. Mimbar gereja harus diangkat martabatnya dengan menyampaikan kebenaran. Mimbar tidak seharusnya digunakan untuk menyampaikan celoteh, cerita-cerita yang tidak berkaitan, dan hiburan yang berlebihan. Khutbah hari Ahad di mimbar gereja harus diperkasakan. Bermula dengan perancangan secara sengaja oleh gembala sidang untuk mengajarkan doktrin keselamatan secara sistematik dalam kalender satu tahun. Di dalam Doktrin Keselamatan itu, bahagian Doktrin Kelahiran Kembali harus ditekankan.

Umat yang hadir harus dicabar iman mereka supaya membuat retrospeksi diri yang jujur sama ada benar mereka telah menunjukkan buah-buah pertaubatan. Isu murtad dan murid yang sejati harus diajarkan supaya jemaat tahu bahawa isu murtad sebenarnya sangat berkait rapat dengan kelahiran kembali. Jika seseorang belum dilahirkan kembali, memang sangat mudah untuk diumbang-ambingkan oleh berbagai ajaran dan godaan yang lahiriah kerana belum mengalami transformasi di dalam dirinya secara peribadi.

Pengajaran Yang Komprehensif di Peringkat Akar Umbi

Hampir semua gereja pada waktu sekarang mempunyai perjumpaan dalam kelompok yang kecil. Ia disebut dengan pelbagai nama seperti kelompok sel, persekutuan rumah, *care group* dan sebagainya. Inilah yang dimaksudkan penulis dengan peringkat akar umbi. Kelompok kecil ini walaupun kecil tetapi jika dilakukan dengan baik pasti akan membawa jemaat-jemaat yang matang dan berbuah di dalam Tuhan. Jemaat tidak dapat bergantung hanya pada khutbah Ahad sahaja. Mereka perlu dididik dari kelompok-kelompok kecil ini.

Gembala sidang berperanan untuk menggerakkan ketua-ketua sel untuk mengajarkan Doktrin Kelahiran Kembali. Namun sebelum itu dilakukan, gembala sidang perlu memastikan bahawa ketua-ketua kelompok sel yang dilantik haruslah sudah menguasai Doktrin Kelahiran Kembali. Jika belum, gembala sidang perlu mengadakan

kelas khas bagi semua ketua-ketua sel supaya mereka dilengkapi sebelum dapat mengajar kelompok sel jagaan mereka.

Akar umbi yang kedua ialah kelas pemuridan. Bagi kelas pemuridan, Doktrin Kelahiran Kembali harus diwajibkan. Setiap yang mengikuti kelas tersebut juga harus dipastikan dapat menguasai doktrin ini dengan sebaiknya. Berbagai bentuk penilaian boleh dibuat untuk menguji tahap kefahaman mereka yang mengikuti kelas pemuridan tersebut baik secara ujian bertulis atau tugasannya mereka membentangkan atau mengkhutbahkan doktrin itu semasa kelas pemuridan.

Seminar atau Konferensi tentang Doktrin Keselamatan

Bagi memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali dalam skala yang lebih besar pula, seminar dan konferensi harus dibuat. Program seperti ini boleh dilakukan secara anjuran bersama dengan gereja-gereja yang lain atau pada peringkat denominasi gereja itu sendiri. Seminar atau konferensi mungkin mengambil waktu beberapa hari bagi mengupas beberapa komponen dalam doktrin keselamatan dengan terperinci.

Seminar atau konferensi ini boleh dibuat bagi pelbagai peringkat umur. Bagi pemuda-pemudi, ia boleh dianjurkan kemudamudi di peringkat gereja lokal, atau melalui atas talian (*online*) untuk skala yang lebih besar. Bagi orang dewasa memang perlu menghadiri seminar atau konferensi seperti ini. Gembala sesbuah gereja lokal berperanan untuk menganjurkan atau menggalakkan jemaatnya mengikuti program-program seumpama ini.

Penutup

Doktrin Kelahiran Kembali sangat penting untuk difahami kerana kelahiran kembali adalah permulaan kehidupan Kristian yang sebenarnya. Tanpa doktrin ini, Kristian hanya menjadi sebatas agama sahaja tanpa ada transformasi yang berlaku dalam diri setiap pengikut Kristus. Anak-anak Tuhan mempunyai tujuan akhir iaitu untuk menyerupai seperti Kristus dan ini hanya boleh terjadi dimulai dengan kelahiran kembali. Penulis menyeru agar gereja Baptis di Sabah khususnya membuka mata dan mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan Doktrin Kelahiran Kembali demi kemuliaan Tuhan dan peluasan kerajaan-Nya di bumi. Amen.

BIBLIOGRAFI

- “Apostasy.” Cambridge. Diakses pada 23 Oktober 2021.
<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/apostasy>
- “Arianism – What is it?” Compelling Truth. Diakses pada 24 Oktober 2021. <https://www.compellingtruth.org/arianism.html>
- “Author of Christian relationship guide says he has lost his faith.” The Guardian. Diakses pada 24 Oktober 2021.
<https://www.theguardian.com/world/2019/jul/29/author-christian-relationship-guide-joshua-harris-says-marriage-over>
- Berkhof, Louis. *Systematic Theology*. MI: Grand Rapids, 1949.
- Bobby and Dorothy Evans, *Great Things He Has Done!* Petaling Jaya: MBC, 2003.
- Boice, Montgomery. *The Parables of Jesus*. IL: Moody Publishers, 1983.
- Brackney, William H. *Historical Dictionary of the Baptists*. USA: Scarecrow Press, 2009.
- “Doctrine.” Cambridge Dictionary. Diakses pada 22 September 2021.
<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/doctrine>
- lowers, Leighton. “Does Regeneration Precede Faith? Soteriology 101.” Diakses pada 23 Oktober 2021,
https://soteriology101.com/2016/03/09/does-regeneration-precede-faith/#_ftn6
- Geisler, Norman L. *Systematic Theology*. USA: Bethany House Publishers, 2011.
- Grudem, Wayne, *Systematic Theology: An Introduction to Bible Doctrine*. MI: Inter-Varsity Press, 1994.
- Holmes, Stephen R. *Baptist Theology*. London: T&T Clark International, 2012.
- Jeremiah, David. “5 Birthmarks of the Born-Again Christian.” Crosswalk. Diakses pada 23 Oktober 2021,
<https://www.crosswalk.com/slideshows/5-birthmarks-of-the-born-again-christian.html>
- “Memperkasakan.” Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses pada 22 September 2021.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=memperkasakan&d=175768&>

Naselli, Andy. "What Is Apostasy? Can a Christian Become Apostate?" The Gospel Coalition. Diakses pada 23 Oktober 2021. <https://www.thegospelcoalition.org/essay/apostasy-can-christian-become-apostate/>

Oropeza, B.J. *Paul and Apostasy: Eschatology, Perseverance and Falling Away in the Corinthian Congregation*. CA: Mohr Siebeck, 2000.

Robirosa, Christian S. *Jalan Pasti ke Sorga*. Batam, Sony Light, 2012.

Schaff, Philip. *History of the Christian Church*. MA: Hendrickson Publishers Inc., 2006.

Slick, Matt. Does regeneration precede faith or does faith precede regeneration? CARM. Diakses pada 23 Oktober 2021. <https://carm.org/about-theology/does-regeneration-precede-faith-or-does-faith-precede-regeneration/>

Sproul, R.C. *What Does It Mean to Be Born Again*. MI: Grand Rapids, 2010.

Washer, Paul. *Ten Indictments Against the Modern Church*. USA: HeartCry Missionary Society, 2008.

"What is apostasy and how can I recognize it?" Got Question. Diakses pada 23 Oktober 2021. <https://www.gotquestions.org/apostasy.html>

"What is apostasy and how can I recognize it?" Got Question. Diakses pada 23 Oktober 2021. <https://www.gotquestions.org/apostasy.html>

Indigenisasi Kristianiti di Kalangan Gereja-gereja Pribumi dan Cabaranya dalam Era Digital

Oleh:
Franklin Karong, PhD

Pengenalan

Agama Kristian masih dilihat sebagai agama Barat di kalangan ramai penduduk pribumi di Asia Tenggara hari ini kerana, mungkin secara sengaja atau tidak, agama Kristian telah disebarluaskan dengan muatan budaya dan amalan Barat.¹ Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, beberapa pemimpin Kristian pribumi telah mula menyedari keperluan untuk menubuhkan gereja-gereja pribumi— yang menurut Peter Beyerhaus, "sebuah gereja, dalam ketaatan kepada mesej rasuli yang telah diamanahkan kepadanya dan dengan bimbingan Roh Kudus, dalam konteks sejarahnya sendiri, mampu untuk menjadikan Injil difahami dan relevan dalam perkataan dan perbuatan di mata dan telinga manusia."²

Walau bagaimanapun, dengan bermulanya era digital, globalisasi telah menjadi trend yang menonjol yang memberi kesan terhadap bagaimana agama Kristian diamalkan di pelbagai pelusuk dunia, termasuk Asia Tenggara. Dua ciri globalisasi yang membimbangkan adalah: i) sintesis pandangan dunia, nilai, dan tingkah laku; dan ii) individualisme.

Fakta Semasa tentang Era Digital

Pakar dalam kajian teknologi maklumat menyerlahkan fakta-fakta berikut mengenai era digital ini:³

1. Bilangan pengguna internet di seluruh dunia berjumlah 5.3 bilion pada 2023, yang bermaksud bahawa kira-kira dua pertiga

¹ Swee Bee Tan, “Raising Semai Church Leaders through Holistic Christian Training” (D Miss diss., Malaysia Baptist Theological Seminary, 2015), 97.

² Keith Eitel, “Indigenous Missions,” in *Missionology: An Introduction to the Foundation, History, and Strategies of World Missions*, 2nd ed., John Mark Terry (Nashville: B & H Publishing Group, 2015), 267.

³ <https://www.statista.com/topics/1145/internet-usage-worldwide/#topicOverview>

-
- daripada populasi global kini melayari *worldwide web (www.)* secara kerap.
2. China ialah pasaran terkemuka mengikut bilangan pengguna internet di dunia pada 2023, diikuti oleh India dan Amerika Syarikat. Secara keseluruhan, Asia Timur ialah rantau yang mempunyai bilangan pengguna internet tertinggi di seluruh dunia, manakala Eropah Utara mempunyai kadar penembusan internet tertinggi.
 3. Peranti mudah alih mempercepatkan sambungan digital: Internet mudah alih telah menjadi semakin meluas dan popular sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerana telefon pintar lebih mudah didapati dan berpatutan berbanding sebelum ini. Memandangkan pengguna internet secara beransur-ansur beralih kepada peranti mudah alih untuk melayari web semasa dalam perjalanan, internet mudah alih kini menyumbang hampir 59 peratus daripada jumlah trafik web di seluruh dunia.
 4. Demografi pengguna internet global: Kira-kira, 67 peratus daripada populasi lelaki di dunia menggunakan internet Sehingga April 2023, berbanding hanya 61.8 peratus wanita. Perbezaan ini dilihat di hampir semua wilayah di seluruh dunia tetapi lebih-lebih lagi di negara kurang maju.
 5. Sehingga 2022, kadar penggunaan dalam talian adalah lebih tinggi dalam kalangan individu antara 15 dan 24 tahun berbanding di kalangan generasi yang lebih tua di semua wilayah di seluruh dunia. Dinamik yang sama dilihat dalam purata masa yang dihabiskan dalam talian di kalangan kumpulan umur yang berbeza, kerana kanak-kanak berumur 16-34 tahun menghabiskan purata tujuh jam dalam talian setiap hari. Sebagai perbandingan, individu antara 45 dan 54 tahun hanya menghabiskan kira-kira lima jam lima puluh minit menggunakan internet setiap hari.
 6. Antara sebab yang paling lazim untuk pergi ke dalam talian merentas semua kumpulan umur ialah mencari maklumat, menghubungi rakan dan keluarga, dan menonton video dan siaran berita dan hiburan. Pengguna berumur 55 hingga 64 tahun juga menyatakan bahawa niat utama mereka menggunakan web ialah untuk mengikuti berita dan peristiwa semasa.

Fakta-fakta yang disebutkan di atas membayangkan bahawa sebarang usaha untuk melibatkan aktiviti Kristian hari ini secara langsung atau tidak, pasti melibatkan teknologi digital.

Penulisan ini meneroka cabaran yang dihadapi dalam usaha mengindigenisasikan Kristianiti pada zaman di mana generasi muda dalam masyarakat menjadi semakin digital dalam pelbagai cara.

Soalan-soalan berikut akan cuba dijawab: 1) Dengan cara apakah era digital menimbulkan ancaman kepada indigenisasi agama Kristian? 2) Dengan cara apakah era digital memberi manfaat kepada indigenisasi agama Kristian?

Sebelum menjawab soalan-soalan di atas, penulis terlebih dahulu akan membentangkan satu hasil kes kajian yang telah dilakukan ke atas gereja-gereja suku Iban aliran Baptis di Sarawak sebagai contoh bagi perbincangan tentang hal ini. Hasil kajian ini menunjukkan tahap indigenisasi yang telah dicapai.⁴

Kajian Kes ke atas Gereja-gereja Iban Aliran Baptis di Sarawak: Satu Penilaian Eklesiologi

Gereja pribumi yang sihat dihasilkan apabila mualaf baru berkongsi ciri-ciri sangat tertentu dengan ahli keluarga Kristus yang lain di seluruh dunia, namun pada masa yang sama, mereka dibezaikan oleh *cultural conditioning* yang unik.⁵ Walau bagaimanapun, indigenisasi yang sihat hanya boleh dilakukan melalui kontekstualisasi secara kritikal.⁶ Kontekstualisasi secara kritikal ialah proses memperkasakan bentuk asli dengan makna baharu dan menggunakan untuk menyampaikan mesej Alkitab.

Dalam kajian kes yang dilakukan ke atas gereja-gereja Iban aliran Baptis di Sarawak, penelitian khusus telah diberikan terhadap bentuk pentadbiran.

Bersabit sistem pemerintahan gereja-gereja Iban aliran Baptist di Sarawak, bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut: Adakah gereja-gereja Iban mencerminkan bentuk pemerintahan tradisional suku Iban dalam cara mereka menubuhkan pemimpin, membuat keputusan, dan menjalankan fungsi gereja? Atau adakah terdapat corak asing yang diamalkan dalam struktur eklesiologi gereja sehingga hal itu menghalang proses indigenisasi gereja mereka?

⁴ Ini merupakan petikan daripada disertasi doctor falsafah penulis sendiri [Franklin Anak Karong, “A Quest of Indigeneity: An Evaluation of the Baptist Missionary Movement among the Iban in Sarawak” (Southwestern Baptist Theological Seminary, 2021), 118-133].

⁵ Andrew Walls, *The Missionary Movement in Christian History: Studies in the Transmission of Faith* (Maryknoll, NY: Orbis Books, 1996), 7.

⁶ Paul Hiebert, *Anthropological Reflections on Missiological Issues* (Grand Rapids: Baker, 1994), 64.

Ciri-ciri utama gereja-gereja Iban aliran Baptis di Sarawak digambarkan dengan jelas oleh struktur organisasi dan jabatan-jabatan pelayanan yang dikerahkan untuk pentadbiran gereja.⁷ Kajian terhadap struktur pemerintahan gereja-gereja Iban aliran Baptis di Sarawak membuat kesimpulan berikut:

Pertama, dalam aspek struktur organisasi, suku Iban tradisional ditadbir oleh struktur yang melibatkan pakar-pakar agama berperanan mentadbir kedua-dua hal ehwal sosial dan agama. *Tuai burong* (imam) juga memegang jawatan tuai rumah kerana orang ramai menganggapnya sebagai orang yang paling berilmu dalam semua bidang kehidupan.⁸ Dia secara autonomi memimpin semua *tuai bileyk* (ketua setiap keluarga) untuk membuat keputusan bagi komuniti rumah panjangnya. Bersabit hal melaksanakan tugas agama, *tuai burong* juga tidak menerima arahan atau melaporkan kepada mana-mana badan atasan. *Lemambang* dan *manang* juga berotonomi dalam menjalankan tugas mereka.

Upacara-upacara keagamaan suku Iban tradisional diadakan sama ada di *bileyk* atau *ruai* atau di tepi sungai atau di ladang di mana orang bekerja. Mereka tidak memerlukan bangunan atau ruang khas untuk aktiviti keagamaan.

Orang Iban secara tradisinya mempunyai sistem pemerintahan yang maju untuk menguruskan hal ehwal sosial dan agama mereka. Mengenai perkara ini, Motomitsu Uchibori menulis, "Agama Iban adalah kompleks dan meresap ke dalam setiap aspek kehidupan."⁹ Tiada pemisahan antara bidang sosial dan agama.

Sebaliknya, sistem pemerintahan gereja-gereja Iban aliran Baptist menunjukkan suatu dualiti, iaitu membahagikan peranan pemimpin kepada dua kategori—pentadbir dan pelayan rohani. Pentadbiran gereja diketuai oleh pengurus dibantu oleh pemegang jawatan lain seperti naib pengurus, setiausaha, bendahari, dan ahli jawatankuasa.

Hal ehwal rohani pula adalah tanggungjawab para pastor. Pastor gereja biasanya dilantik oleh ahli-ahli gereja semasa mesyuarat

⁷ Based on the reports from all the churches from 2016 to 2018 compiled in the Handbook of the Sarawak Baptist Church Annual Delegate Conference.

⁸R. A. Cramb, *Land and Longhouse: Agrarian Transformation in the Uplands of Sarawak*. Copenhagen: NIAS Press, 2007.Cramb, 53.

⁹ Motomitsu Uchibori, "Meninggalkan Dunia Sementara ini: Kajian Eskatologi dan Amalan Jenazah Iban" (PhD diss., Universiti Kebangsaan Australia, 1978), 8.

umum gereja. Oleh itu, pastor-pastor ini bertanggungjawab kepada jawatankuasa pentadbiran gereja tempatan. Dalam kata lain, gereja-gereja ini mengamal sistem pentadbiran demokrasi.

Dalam kes sesebuah gereja baru, ia biasanya dimulakan dan dijaga oleh mubaligh yang dilantik oleh Sarawak Baptist Church (SBC). Mubaligh ini bertanggungjawab kepada kepimpinan SBC, dan oleh itu, tidak sepenuhnya autonomi dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pastor gereja berkenaan.

Walaupun SBC percaya kepada autonomi gereja tempatan, disebabkan tuntutan undang-undang oleh kerajaan Sarawak, semua gereja Iban aliran Baptist ini bertanggungjawab kepada kepimpinan SBC. Malangnya, struktur pentadbiran sedemikian selalunya menjadi penghalang kepada proses pentadbiran kendiri lantaran gereja-gereja yang tertubuh tidak mencerminkan indigenisasi sewajarnya.

Berkenaan tempat ibadah, para penganut Kristian Baptis ini telah terbiasa mempunyai bangunan gereja. Amalan ini melibatkan keperluan harta tanah yang kebanyakannya gereja tempatan tidak mampu miliki kerana faktor kewangan. Akibatnya, gereja-gereja ini bergantung kepada sokongan dari luar untuk menyewa atau membeli harta tanah. Amalan ini tidak memupuk pembentukan kendiri, justeru menghalang proses indigenisasi yang sewajarnya.

Kedua, dalam aspek jabatan-jabatan keagamaan, pakar-pakar agama tradisional Iban sangat dihormati. Mereka dilihat sebagai orang-orang dipanggil secara ilahi melalui suatu wahyu ajaib, dan mereka diyakini mahir dalam menjalankan tugas mereka.¹⁰ Dari segi ekonomi, pakar-pakar agama ini bekerja seperti semua anggota kaum yang lain walaupun mereka menerima wang ataupun jenis ganjaran lain selepas menyelesaikan tugas mereka.¹¹ Dalam kata lain mereka tidak digaji sepagai pakar agama.

Sebaliknya, pengurus dan ahli jawatankuasa gereja dipilih melalui undi majoriti daripada para ahli semasa mesyuarat agung tahunan gereja tempatan. Para pemimpin ini tidak semestinya mempunyai panggilan ilahi yang disahkan melalui wahyu ajaib. Gereja-gereja berpegang kepada kepercayaan Baptis yang

¹⁰Erik Jensen, *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press, 1974, 64

¹¹ George N. Appell, “Iban Studies: Their Contributions to Social Theory and the Ethnography of Other Borneo Societies.” Reprinted from the *Encyclopedia of Iban Studies*, vol. 3, edited by Joanne and Vinson H. Sutlive, 741-85. Kuching: The Tun Jugah Foundation, 2001.

menegaskan konsep "keimamatkan orang percaya." Oleh itu, kaedah memilih pemimpin adalah berdasarkan undi majoriti daripada semua ahli gereja yang sudah dibaptis.

Pastor-pastor gereja menerima gaji tetap setiap bulanan sama ada daripada gereja tempatan atau daripada SBC. Walaupun denominasi Baptist percaya pada autonomi gereja tempatan, banyak gereja Iban aliran Baptis ini perlu bergantung kepada SBC ataupun sokongan luar yang lain dari segi kewangan. Gereja-gereja ini tidak dapat sepenuhnya membiayai pastor dan pekerja sepenuh masa mereka sendiri. Oleh itu, secara umum, gereja-gereja tidak memiliki ciri pembiayaan kendiri. Hal ini juga tidak memcerminkan indigenisasi.¹²

Kesimpulannya, gereja-gereja Iban aliran Baptis di Sarawak telah mengabaikan pendekatan indigenisasi dalam aspek struktur organisasi dan jabatan-jabatan pelayanan. Eklesiologi sedemikian mencerminkan pengaruh asing yang jelas, iaitu, eklesiologi Barat. Secara umum, ini adalah fenomena yang lazim terjadi di kalangan gereja-gereja suku pribumi. Lamin Sanneh mengulas bahawa ini adalah hal yang menyedihkan kerana sesebuah gereja pribumi sepatutnya tetap mencerminkan identiti mereka sendiri walaupun para anggotanya telah ditransformasikan oleh Injil.¹³

Interaksi antara Teknologi Digital dan Indigenisasi Kristianiti

Mewujudkan Kristianiti indigenes bukanlah usaha yang mudah kerana para misionari dan mualaf baru selalunya sama ada sengaja mengabaikan ataupun tidak tahu bagaimana untuk melakukannya.¹⁴ Era digital, di satu sisi, boleh memberikan peluang baharu dan cara baharu untuk memudahkan indigenisasi agama Kristian dalam mana-mana komuniti. Pekerja Kristian dan pemimpin gereja yang memegang pandangan ini telah tampil ke hadapan untuk mengenal pasti kelebihan teknologi digital mengenai pelayanan

¹² Franklin Karong, "Definisi dan Ciri-ciri Gereja Indigenes," *Jurnal Teologi, Edisi 7* (MBTS, Pulau Pinang: 2019), 9

¹³ Lamin Sanneh, *Translating the Message: The Missionary Impact on Culture* (Maryknoll, NY: Orbis Books, 1989), 1.

¹⁴ Karong, "Definisi dan Ciri-ciri Gereja Indigenes," *Jurnal Teologi, Edisi 7* (MBTS, Pulau Pinang: 2019), 13.

Kristian dan penyebaran Injil.¹⁵ Kemunculan ibadah-ibadah digital, penginjilan melalui media sosial, pembelajaran teologi secara digital, dan ketersambungan serta-merta dan meluas di kalangan orang percaya adalah contoh bagaimana orang Kristian boleh mendapat manfaat daripada teknologi digital.

Dalam konteks Kristianiti di kalangan suku pribumi, para pekerja dan pemimpin gereja, dan orang Kristian secara amnya boleh menggunakan teknologi digital untuk mendapatkan beberapa faedah yang dinyatakan di atas. Dalam kes gereja Iban aliran Baptis di Sarawak, sebagai contoh, teknologi digital boleh digunakan untuk memudahkan hubungan yang lebih baik di kalangan ahli dan antara pastor atau para penatua dan rakan-rakan sepelayanan. Selain itu, dalam situasi seperti pandemik COVID-19 atau pada waktu-waktu darurat yang lain, pelayanan gereja dan aktiviti-altiviti pastoral boleh dilakukan dalam talian. Kemungkinan lain termasuk pendigitalan usaha pentadbiran, penginjilan melalui media sosial, dan pendidikan teologi melalui platform elektronik.

Walau bagaimanapun, persoalan yang belum terjawab ialah: Bagaimanakah teknologi digital boleh memudahkan indigenisasi garisegi eklesiologi yang dicerminkan oleh gereja-gereja pribumi? Mungkin, salah satu caranya ialah dengan sengaja melibatkan media sosial untuk menyokong dan mempromosikan idea, ciri-ciri dan ekspresi Kristianiti indigenes. Teknologi digital juga boleh digunakan untuk memupuk keupayaan berteologi mandiri di kalangan para pemimpin Kristian pribumi. Penganut-penganut Kristian pribumi yang dapat berteologi secara mandiri akan menghasilkan eklesiologi yang indigenes—justeru, akan wujudlah Kristianiti yang "berkongsi ciri-ciri sejagat tertentu dengan ahli keluarga Kristus yang lain di seluruh dunia, namun pada masa yang sama, mereka dibezakan oleh "ciri-ciri budaya yang tersendiri."¹⁶

Teknologi digital, di sisi yang lain, boleh menjadi anasir yang mengancam budaya dan tradisi mana-mana suku kaum pribumi. Bersabit budaya digital, Jeff H. Mahan dari Sekolah Teologi Iliff di Denver, Colorado mengulas, "tidak wajar jika menentangnya dan medakwa bahawa ia tidak menyokong kehidupan Kristian yang tulen mahupun menerimanya tanpa mempertimbangkan perubahan yang

¹⁵ <https://www.whatchristianswanttoknow.com/christianity-in-the-age-of-digitalization/>

¹⁶ Walls, *The Missionary Movement*, 7.

Antropologi Kristen berpendapat bahwa tujuan, makna, perubahan dan pemenuhan hidup manusia yang sebenarnya hanya dapat ditemukan dalam hubungan seseorang kepada Tuhan. Menjadi manusia sejati berarti mempunyai hubungan yang nyata dengan Allah melalui Kristus. Harapan manusia pertama-tama harus terletak pada Allah, bukan pada diri kita sendiri atau pada teknologi. Oleh karena itu, perkembangan manusia (*posthumanisme*) tidak ditujukan kepada diri sendiri melainkan kepada Tuhan dan sesama.²⁸

Dalam konteks antropologi Kristen, transformasi rohani yang dilakukan Tuhan bertujuan memulihkan citra-Nya dalam diri manusia dengan karakter Kristus. Manusia dapat menggunakan komunikasi aspek struktural yang sudah ada sebelumnya untuk mencapai aspek fungsional yang tepat. Melalui proses regenerasi dan pengudusan melalui Roh Kudus, manusia dapat memperoleh kembali hubungan yang benar dengan Tuhan, sesama, dan dunia. 2 Petrus 1:3-11 mencatat bahwa janji untuk membagikan kodrat ilahi (hidup kekal) kepada orang-orang percaya disertai dengan nasihat untuk mengembangkan iman, kebijakan, pengetahuan, pengendalian diri, ketekunan, kesalehan, dan kasih. Dan ini juga yang tidak bisa dilakukan oleh teknologi mesin, yaitu aspek mengembangkan kebijakan dengan mengamalkan kebiasaan berbuat baik) sebagai sarana pengembangan kehidupan manusia.²⁹

Beberapa peran utama Roh Kudus dalam menciptakan pengertian meliputi: *Pencerahan Rohani*: Roh Kudus dianggap sebagai sumber pencerahan rohani yang membuka pikiran dan hati orang percaya untuk memahami kebenaran ilahi. Ini melibatkan memberikan pengertian tentang ajaran Alkitab dan relevansinya dalam kehidupan sehari-hari.

Pembimbing Rohani: Roh Kudus dianggap sebagai pembimbing yang membimbing orang percaya dalam pengambilan keputusan dan dalam memahami jalan yang benar. Ini termasuk membantu mereka memahami dan menerapkan prinsip-prinsip moral

28 Philippe Gagnon, “The Problem of Transhumanism in the Light of Philosophy and Theology,” in *The Blackwell Companion to Science and Christianity*, ed. J.B. Stump and Alan G. Padgett (Chichester: Wiley-Blackwell, 2012), 401.

29 Gouw, Arvin. “Optimistic Yet Disembodied: The Misguided Transhumanist Vision.” *Theology and Science* 16 no. 2, 229–233. <https://doi.org/10.1080/14746700.2018.1455274>.

dan etika yang sesuai dengan kehendak Tuhan. Roh Kudus dapat menggugah kesadaran akan dosa, kebenaran, dan kebutuhan akan pertobatan. Ini membantu orang percaya untuk bertumbuh dalam iman dan ketaatan kepada Tuhan.

Pengaruh Transformasional: Roh Kudus memiliki kekuatan untuk mentransformasi pikiran, hati, dan karakter orang percaya, sehingga mereka menjadi lebih serupa dengan gambar Kristus. Ini melibatkan perubahan sikap, nilai-nilai, dan perilaku mereka sesuai dengan standar kekudusan Tuhan. Penghiburan dan Penolong: Roh Kudus memberikan penghiburan kepada orang percaya dalam waktu kesulitan dan penderitaan. Dia juga berperan sebagai penolong yang memberikan kekuatan dan dukungan bagi mereka yang menghadapi tantangan dalam kehidupan. Dengan demikian, Roh Kudus dianggap sebagai pribadi yang aktif dalam memberikan pengertian, bimbingan, transformasi, dan dukungan kepada orang percaya dalam perjalanan rohani mereka.

Lebih lanjut lagi, dalam konteks komunikasi era pasca humanisme, peran Roh Kudus menjadi pembeda yang significant dari teknologi mesin. Roh Kudus adalah pribadi Allah sebagai penolong, pembimbing kepada setiap orang percaya dalam menciptakan pengertian, dan membimbing orang-orang dalam kebenaran. Hal ini mengacu pada prinsip, bahwa Tuhan berkomunikasi atau memberikan pengertian kepada individu melalui inspirasi spiritual yang muncul dalam hati atau pikiran mereka.

Pendekatan ini menekankan pentingnya hubungan pribadi antara individu dan Tuhan, di mana individu dapat memperoleh pengertian, kebijaksanaan, atau petunjuk melalui pengalaman spiritual, iman, dalam hati. Hal ini mencakup pengertian akan tujuan hidup, arah dalam pengambilan keputusan, atau pemahaman akan kebenaran rohani. Dan hal penting lainnya adalah, bahwa interpretasi pengalaman spiritual setiap individu pasti berbeda atau tidak dapat dengan pengertian yang sama.

Rumusan dan Kesimpulan

Hal komunikasi *hybrid* di era pasca humanisme dan manusia sebagai mahluk sosial masih menjadi perbincangan akademis sampai saat ini. Namun tidak dapat dipungkiri, bahwa kontribusi era posthumanisme dalam komunikasi dapat mengurangi kesalahan transmisi informasi bagi manusia yang terbatas. Komunikasi hibrid dalam ranah posthumanisme mengintegrasikan teknologi dengan komunikasi manusia, memungkinkan konektivitas yang ditingkatkan, mode ekspresi yang diperluas, pengalaman yang dipersonalisasi, dan

memerlukan pertimbangan etis untuk memaksimalkan manfaat sambil mengurangi potensi risiko. Komunikasi hibrid dalam konteks posthumanisme mengacu pada gabungan unsur manusia dan teknologi dalam proses komunikasi. Ini melibatkan pemanfaatan teknologi canggih untuk meningkatkan dan memperluas kemampuan komunikasi manusia.

Communication is a process for Creating understanding in which two or more parties are involved. All communication is cross-cultural. Jadi tujuan dari sebuah komunikasi adalah menciptakan pengertian. *Creating understanding* adalah dari Tuhan, yang dibangun melalui komunikasi Roh Kudus dan individu dalam pengalaman spiritual iman. Komunikasi adalah keterlibatan, komunikasi adalah proses, komunikasi adalah makna yang bersifat internal dan individual, komunikasi adalah perubahan. Komunikasi adalah jembatan antara bagian luar dan bagian dalam kepribadian manusia. Komunikasi tidak saja bergantung pada persoalan mesin, pertukaran berita dan pesan, tetapi juga melingkupi kegiatan individu terkait konteks, kesan, iman, dan ide.

Komunikasi *hybrid* di era pasca-humanisme tidak dapat menjawab kebutuhan manusia secara utuh, yakni sebagai mahluk sosial; yang memiliki iman, pengalaman spiritualitas, pemikiran rasio, dan komunikasi batin antar individu. Bentuk komunikasi manusia dalam pengalaman iman, spiritual tidak dapat dijangkau oleh tenaga mesin. Maka dari itu, kemampuan mesin tidak dapat menyamai kemampuan komunikasi manusia sebagai mahluk sosial. Mesin tidak dapat menganalisis *core belief*(hati), memproses teks-konteks, emosi dalam pembentukan makna. Karena mesin adalah benda mati, sedangkan manusia adalah mahluk hidup yang dinamis.

Bibliografi

- Braidotti's, Rosi. *Posthuman Knowledge* (Polity Press, 2019).
- Braidotti, Review of Rosi., Marguerite Koole. “*Posthuman Knowledge*”, Cambridge, UK: Polity Press, 2020.
- Bagas, Dwika Putra, R. Yuli Ahmad Hambali, “*Cyborgs dan Perempuan Menurut Pandangan Posthumanisme Donna J. Haraway*”, dalam Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin Vol. 3 No. 1, Januari 2023.
- Bostrom, Nick., “*The Transhumanist FAQ: A General Introduction*”, (London: World Transhumanist Association, 2003).
- Erickson., J, Millard. *Christian Theology*, ed. ke-3, (Grand Rapids: Baker Academic, 2013).
- Frame, M., John *Systematic Theology: An Introduction to Christian Belief* (Phillipsburg: P&R Publishing, 2013).
- Forlano, Laura. *Posthumanism and Design*. The Journal of Design, Economics, and Innovation Volume 3, Institute of Design, Illinois Institute of Technology, USA. Number 1, Spring 2017.
- Gay, Craig M. *Modern Technology and the Human Future: A Christian Appraisal*, (Downers Grove: IVP Academic, 2018).
- Gouw, Arvin. “Optimistic Yet Disembodied: The Misguided Transhumanist Vision.” *Theology and Science* 16. <https://doi.org/10.1080/14746700.2018.1455274>.
- Gagnon, Philippe. “The Problem of Transhumanism in the Light of Philosophy and Theology,” in *The Blackwell Companion to Science and Christianity*, ed. J.B. Stump and Alan G. Padgett, (Chichester: Wiley-Blackwell, 2012)
- Haraway, D. *Manifesto Cyborgs*. Nature Reviews Neuroscience, 199. <http://www.cyberfeminisme.org/txt/Cyborgsmanifesto.htm>
- Hughes, Thomas P. “*The Evolution of Large Technological Systems*,” in *The Social Construction of Technological Systems: New Directions in the Sociology and History of Technology*, ed. Wiebe E. Bijker, Thomas P. Hughes, and Trevor J. Pinch.
- Imran, Hasyim Ali. *Media Massa, Khalayak Media, The Audience Theory, Eseke Isi Media dan Fenomena Diskursif*,” dalam Jurnal Studi Komunikasi dan Media, Vol. 16, No. 1, Januari – Juni 2012.

MsQuail, Denis. *Mass Communication Theory*, (London: Stage Publication, 2009).

Marguerite Koole, Review of Rosi Braidotti . Posthuman Knowledge Cambridge, UK: Polity Press, 2019, 210 pp. ISBN 9781509535255 (Hardcover) Postdigital Science and Education Springer Nature Switzerland AG 2020

Pegah Abedi & Rasool Moradi-J.oz, Department of English Language and Literature, University of Zanjan, Vol. 21 No. 1, April 2021.

Pepperell, Robert. *Posthuman: Kompleksitas Kesadaran, Manusia Dan Teknologi*, ed. Hadi Purwanto, 2009.

Prasetyo, Trisyanti, Banu dan Umi. *Revolusi Industri 4.0 Dan Tantangan Perubahan Sosial IPTEK*. Journal of Proceedings Series 5, no. 1, 2018.

Peters, Ted *Imago Dei, DNA, and the Transhuman Way,” Theology and Science* 16, no. 3 (2018): 355, <https://doi.org/10.1080/14746700.2018.1488529>.

Robert Setio, “Poshumanisme Dalam Alkitab: Sebuah Renungan Biblis Di Masa Covid-19,” dalam *Jurnal KENOSIS* 6, 2020.

Smith, K. *Creating Understanding; Buku Panduan Komunikasi Kristen Lintas Budaya*, (Yogyakarta: ANDI Offset, 2015).

Suhrnadji: *Arkeologi Ilmu Michel Foucault. Dalam Dalam Anatomi dan Perkembangan Ilmu Sosial*. Dalam: Bagong Suyanto dan M Khusna Amal (ed) Aditya Media, 2010).

Setio, Robert. “Poshumanisme Dalam Alkitab: Sebuah Renungan Biblis Di Masa Covid-19,” dalam *Jurnal KENOSIS* 6, 2020.

Thayer, Lee. *On Communication: Essays in Understanding*, (Norwood: Ablex Publishing Company, 1987).

Wendy, David Alinurdin, *Optimisme yang Tidak Menjanjikan: Kajian terhadap Transhumanisme dari Perspektif Antropologi Kristen*, Veritas: Jurnal Teologi dan Pelayanan 20, no. 1, 2021, 21-36.

**Perbandingan antara Model
Pemuridan Kaum Puritan Inggeris dengan Model Pemuridan
International Christian Mission, Sarawak dalam Aplikasi dan
Implementasi**

*Oleh:
Robin Anak Maramat
Doctor of World Christian Studies (Cand.)*

Abstrak

Penulisan ini bertujuan membandingkan model pemuridan kaum Puritan Inggeris pada era reformasi gereja abad ke-16 dengan model pemuridan dari International Christian Mission (ICM) di Sarawak. Pemuridan merupakan topik penting dalam sejarah gereja, dan model pemuridan yang efektif akan menghasilkan gereja yang sihat dan bertumbuh baik dalam kualiti maupun kuantiti. Pemuridan kaum Puritan berfokus pada pembentukan rohani dalam keluarga, penggunaan mimbar gereja, katekismus, meditasi devosional, dan penjagaan ibadah hari Minggu. Sementara itu, model pemuridan ICM menekankan kolaborasi dengan gereja setempat dan gereja separa, menggunakan bahan pemuridan sistematik yang diterjemahkan ke dalam bahasa lokal untuk memperlengkapi orang-orang percaya di kawasan bandar maupun luar bandar.

Penulisan ini juga mengulas implikasi terhadap gereja, menyoroti bagaimana pemuridan kaum Puritan menghasilkan banyak literatur rohani dan mendorong pengembangan iman Kristen. Sebaliknya, pemuridan ICM berfokus pada pengutusan pelatih-pelatih untuk pelayanan di gereja lokal dan penginjilan jangka pendek. Berdasarkan perbandingan ini, penulis mencadangkan empat fokus pemuridan untuk gereja masa kini: pemuridan dalam keluarga, pemuridan di gereja, pemuridan apologetik, dan pemuridan yang menghasilkan bahan bacaan. Kesimpulannya, kedua model ini memiliki kelebihan masing-masing yang dapat diintegrasikan untuk merancang kelas pemuridan yang lebih efektif demi kemuliaan Tuhan.

Kata Kunci: Pemuridan, Kaum Puritan, International Christian Mission, Pemuridan Keluarga, Pemuridan Gereja.

Pengenalan

Tujuan Pendidikan kristian adalah untuk menumbuhkan, membangunkan dan mematangkan iman kepercayaan orang Kristian untuk menjadi murid Kristus yang benar seperti yang tertulis dan diperintahkan dalam amanat agung dalam Injil Matius 28:18-20. Secara tidak langsungnya, amanat agung yang diperintahkan oleh Tuhan Yesus Kristus bukan sahaja hanya kepada murid-muridNya ketika itu bahkan kepada kita semua yang percaya supaya melakukan pemuridan dalam kalangan orang Kristian.

Pemuridan adalah topik diskusi yang sangat panjang dalam kehidupan sejarah gereja. Gereja yang sihat adalah gereja yang bertumbuh¹ dan pertumbuhan gereja yang sihat samaada dalam bentuk kualiti mahupun kuantiti jemaat². Selanjutnya bagi menghasilkan pertumbuhan tersebut salah satu faktornya yang memainkan peranan penting adalah jemaat gereja yang beralkitabiah dan mengetahui kebenaran hidup yang bertujuan memuliakan Tuhan.³ Pemuridan seharusnya juga mengajar orang-orang Kristian untuk dimuridkan dan hidup mereka berlaku transformasi rohani yang mutlak.⁴

Kita menyedari bahawa setiap zaman mempunyai waktunya tersendiri dalam mendiskusikan cara dan pendekatan melaksanakan amanat Agung khususnya dalam memuridkan orang-orang Kristian. Gereja adalah seperti seorang penggembala yang berjalan bersama umat Tuhan di segala zaman dan waktu, maka kita sebagai orang-orang Kristian yang bergereja tidak harus melupakan sejarah kehidupan bergereja pada masa lampau demi kelangsungan dan relevan pada masa kini. Tujuan penulisan ini melihat kepada pembentukan dan pembangunan rohani masyarakat Puritan di England pada era reformasi gereja abad ke-16 dan dibandingkan pembangunan rohani di Sarawak melalui kelas pemuridan yang dijalankan oleh badan misi pemuridan dan pengajaran iaitu International Christian Mission.

Kita menyedari bahawa setiap zaman mempunyai waktunya tersendiri dalam mendiskusikan cara dan pendekatan melaksanakan amanat Agung khususnya dalam memuridkan orang-orang Kristian. Gereja adalah seperti seorang penggembala yang berjalan bersama umat Tuhan di segala zaman dan waktu, maka kita sebagai orang-orang Kristian yang bergereja tidak harus melupakan sejarah kehidupan bergereja pada masa lampau demi kelangsungan dan relevan pada masa kini. Tujuan penulisan ini melihat kepada

pembentukan dan pembangunan rohani masyarakat Puritan di England pada era reformasi gereja abad ke-16 dan dibandingkan pembangunan rohani di Sarawak melalui kelas pemuridan yang dijalankan oleh badan misi pemuridan dan pengajaran iaitu International Christian Mission.

Perspektif Alkitab Mengenai Pemuridan

Di dalam Alkitab yang kita imani, berlaku proses pemuridan yang nyata dan jelas. Antara proses pemuridan yang kita boleh baca di dalam perjanjian lama ialah Nabi Musa memuridkan Joshua dalam bilangan 27:15-20 yang bertujuan untuk mempersiapkan Joshua bagi memimpin orang-orang Isreal pada ketika itu. Lalu TUHAN berfirman kepada Musa: "Ambillah Yosua bin Nun, seorang yang penuh roh, letakkanlah tanganmu atasnya (Bilangan 27:18). Begitu juga tertulis bagaimana Elijah mempersiapkan Elisha untuk meneruskan pekerjaan Tuhan melalui nabi pada ketika itu didalam 2 Raja-raja 2:1-15. Dalam perjanjian baru, Tuhan Yesus Kristus sendiri memilih kedua belas muridNya untuk dimuridkan. Yesus memanggil kedua belas murid-Nya dan memberi kuasa kepada mereka untuk mengusir roh-roh jahat dan untuk melenyapkan segala penyakit dan segala kelemahan (Matus 10:1-4).

Rasul Paulus juga memuridkan beberapa orang yang tercatat dalam perjanjian baru seperti Timotius dan Titus dengan menulis surat-surat berbentuk pengembalaan. Pemuridan Rasul Paulus ke atas Timotius yang masih muda bagi meneruskan pelayanannya pada masa tersebut oleh kerana dia sendiri terbatas akibat daripada pemenjaraan di kota Roma. Sebab itu, hai anakku, jadilah kuat oleh kasih karunia dalam Kristus Yesus. Apa yang telah engkau dengar daripada aku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-

¹ Wagner, C. Peter, Gereja Saudara Dapat Bertumbuh (Malang: Gandum Ms, 1997), 10

² Wongso, Peter. Tugas Gereja dan Misi Masa Kini (Surabaya: Yakin, 1981), 80

³ Edlin, J, Richard, The cause of the Christian Education, terjemahan Hakikat Pendidikan Kristen, Jakarta BPK Gunung Mulia, 2014, p.p 26-28.

⁴ Hull, Bill. The Disciple Making Church: leading Body on Believers on the Journey of Faith.

(Grand Rapids: Baker Books, 2010), 53

orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain (2 Timotius 2:1-7).

Pemuridan yang berlaku dalam Alkitab seperti yang tercatat diatas telah mendorong ramai orang-orang Kristian zaman seterusnya berusaha dan bertekad membangunkan pemuridan yang beracuankan ketokohan para nabi dan Tuhan sendiri yang menjadi teladan terbaik. Penulisan kali ini melihat kepada perbandingan dua model pemuridan yang berlaku era reformasi gereja di England dengan pemuridan yang berlaku pada masa kini yang dijalankan oleh sebuah badan misi penginjilan dan pemuridan iaitu dari International Christian Mission di negeri Sarawak.

Sejarah model pemuridan kaum Puritan Inggeris

Para Reformasi gereja meletakkan pemuridan sebagai agenda utama orang percaya supaya dengan tujuan menjadi murid Yesus yang sejati dan agenda ini boleh diimbaskan kembali pada abad ke-16, pasca reformasi diseluruh Eropah, mereka memerlukan orang percaya yang sejati dan setia kepada Injil.⁵ Kaum yang sangat menonjol pada masa tersebut adalah kaum Puritan yang menangkap visi dan misi tersebut dan mereka berusaha melakukannya dalam kehidupan mereka bermula dari rumah dan dalam ibadah bersama.

Ideologi kaum puritan adalah gerakan kemurnian yang menekankan pembaharuan rohani, peribadi, bangsa dan negara, negara, rumah, pendidikan, penginjilan, ekonomi, dalam pemuridan individu, pengabdian, dan dalam pelayanan pastoral.. Bertitik tolak dari ideologi ini, kaum Puritan bertindak menekankan pemulihan dan pembaharuan rohani dengan mengajar dan memuridkan kaum mereka pada masa tersebut.

Pemuridan Dalam Keluarga Kaum Puritan

Model pemuridan pertama yang ditekankan oleh Kaum Puritan ialah pemuridan dalam keluarga. Puritan sangat menekankan nilai dan pentingnya pelayanan keluarga. Setiap bakal pasangan kaum

⁵ David M. Whitford. ed. *T & T Clark to Reformation Theology*. London: Bloomsbury T & T Clark, 2014.

⁶ Pederson, Randal J & Beeke, Jole R. “Preface” in *Meet the Puritans*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2012

Puritan mengerti bahawa etika pernikahan Puritan bukan untuk mencari teman hidup yang dicintai dengan sepenuh hati semata-mata tetapi mereka mementingkan seorang yang dapat dicintai dengan setia sebagai teman baik dalam kehidupan dengan pertolongan Tuhan untuk melakukan usaha visi pemuridan dalam keluarga.⁷ Hal ini disebutkan demikian kerana visi mereka adalah untuk mendidik anak dalam jalan kerohanian, menjadi orang dewasa yang berguna dan kudus.

Kaum Puritan percaya bahawa rumah mereka adalah gereja kecil mereka, sebagaimana Edwards mengatakan setiap keluarga Kristian seharusnya menjadi suatu gereja kecil dan dipersembahkan kepada Kristus.⁸ Kepentingan pemuridan dimulai oleh keluarga kaum Puritan pada zaman reformasi ketika itu bermula daripada kelesuan orang percaya dan tiada berlaku transformasi kehidupan bergereja, maka suatu gerakkan menekankan perubahan itu harus bermula dari dalam gereja secara organisme dalam kelurga kristian yang harus mendapat sentuhan pertama.⁹

Pemuridan melalui mimbar gereja.

Hamba Tuhan memainkan peranan penting dalam pemuridan di gereja melalui khutbah dan pengajaran mereka. Tidak dinafikan kesan langsung dari khotbah dapat mendidik dan memuridkan jemaat gereja yang dilayani. Bagi kaum puritan pada masa lampau mereka mereka menekankan khotbah berbentuk expositori. Mereka menggunakan kaedah expositori dalam penyampaian firman Tuhan yang berisi doktrin, teratur dalam susunannya, gayanya yang terkenal, berorientasi dari Kristus, bersifat pengalaman dan menerapkan aplikasi yang tajam dan sangat berkuasa.¹⁰

Satu kekuatan dari Khotbah puritan adalah melibatkan karakter intelektualnya dan khutbah mereka juga sangat Alkitabiah kerana lahir dari keyakinan mereka kepada kebenaran Alkitab. Kebenaran itu perlu difahami dan ditonjolkan secara baik kepada pendengar¹¹. Mereka percaya khutbah yang dapat mengubah kehidupan yang tidak dapat dipisahkan dengan kehadiran kuasa Ilahi yang menjadi motivasi kepada semua pengkhutbah yang merupakan juga pegangan yang dibawa dari John Calvin.¹²

⁷ Packer, J.I. A Packer, J.I. *A Quest for Godliness: The Puritan Vision of the Christian Life*. Wheaton, IL: Crossway Books, 1990.

⁸ Jonathan, Edward “Farewell Sermon”. *Works of Jonathan Edwards*, Volume One. <http://www.ccel.org/e/edwards/works1.i.xxvi.html>.

William Perkins yang digelar Bapa Puritan menjelaskan erti dimaksudkan dengan khutbah yang benar mengandungi beberapa hal iaitu penfasiran yang tepat dan benar dari kitab suci, pengkhottah mencatatkan isi-isi penting dan mengali keseluruhan dari teks dan akhirnya pengkhottah boleh mengaplikasikan teks tersebut ke dalam kehidupan pendengar.¹³ Secara pintasnya, khutbah puritan amat membosankan namun keseriusan mereka terhadap teks kitab suci tidak dapat disanggah lagi. Mereka akan membincangkan setiap khottah tersebut selama seminggu untuk memikirkan, mencerna dan berusaha mengaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari.

Pemuridan melalui penggunaan Katekismus dan konfesi Gereja dalam pemuridan.

Para pengajar Puritan menggunakan juga katekismus, konfesi dan kredo untuk memuridkan jemaat mereka.¹⁴ Kaum Puritan adalah seorang katekis dan mereka percaya bahawa pelayanan di mimbar harus diperkuatkan dengan pelayanan peribadi melalui katekisis iaitu pengajaran doktrin kitab suci yang menggunakan katekismus.¹⁵ Katekismus merupakan bahan untuk mengajar jemaat samaada tua atau muda mengenai asas dasar dari iman kristian.

Kaum Puritan membangunan katekismus mereka sendiri iaitu yang dipanggil Katekismus Besar Westminster dan Katekismus kecil pada tahun 1640-an dan para pelayan Tuhan diharapkan menggunakan katekismus ini sebagai bahan pengajaran mereka pada waktu mengunjungi jemaat dari rumah ke rumah.¹⁶ Penggunaan katekismus, konfensi dan kredo adalah model yang lazim digunakan dalam pemuridan dalam era reformasi.

⁹ Baxter, Richard. *Reformed Pastor* -The Christian Classic Ethereal Library- Grand Rapids: Sovereign Grace Pub.

¹⁰ Packer, J.I. Puritan Papers. New Jersey; P & R Publishing, 2001

¹¹ Packer, J.I. A Packer, J.I. *A Quest for Godliness: The Puritan Vision of the Christian Life*. Wheaton, Il: Crossway Books, 1990.

¹² Stephen J, Lawson. *The Expository Genius of John Calvin*. Florida: Reformation Trust, 2008.

Pemuridan Melalui Meditasi, Devosional dan Jurnal Rohani.

Rata-rata kaum puritan adalah penulis yang produktif pada zaman reformasi gereja. Tulisan mereka juga menjadi bahan bacaan bagi kaum puritan selain daripada Alkitab. Lazimnya, kaum puritan menggalakkan jemaat mereka melakukan saat teduh untuk pembaharuan komitmen mereka untuk menjalani kehidupan pada setiap hari dan mereka membaca buku-buku praktis untuk hidup kudus dan rohani bagi menolong mereka membentuk kehidupan mereka masing-masing.¹⁷

Kekayaan tulisan devosional mereka yang dilahirkan dari ketekunan membaca kitab suci memberikan disebalik khutbah kaum Puritan yang mempersonakan. Packer menulis didalam bukunya menyatakan George Whitefield menegaskan bahwa para pelayan Tuhan dan pengkhutbah Puritan tidak akan pernah berkhotbah dengan sampai mereka menundukkan diri mereka di bawah salib dan Roh Kristus serta kemuliaanNya tinggal atas diri mereka.¹⁸

¹³ William., Perkins. *A Commentary on Galatians*, ed. Gerald T. Sheppard. New York: Pilgrim Press, 1989.

¹⁴ Donald van, Dyken. *Rediscovering Catechism: The Art of Equipping Covenant Children*. New Jersey: P & R Publishing, 2000.

¹⁵. Joel R. & Jones, Beeke. Mark. *A Puritan Theology: Doctrine for Life*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2012.

¹⁶ Richard, Bexter. *Reformed Pastor* -The Christian Classic Ethereal Library- Grand Rapids: Sovereign Grace Pub.

¹⁷ Richards R, James B. *The Lost Art of Discipleship*. Surabaya: Majesty Books, 2006.

¹⁸ Packer, J.I. A Packer, J.I. *A Quest for Godliness: The Puritan Vision of the Christian Life*. Wheaton, Il: Crossway Books, 1990.

Puritan menulis dua macam meditasi iaitu tulisan yang bersifat berkala dan tulisan yang bersifat perencanaan. Meditasi berkala itu adalah mengamati untuk mengarahkan fikiran kita kepada Syurga sebagaimana Raja Daud lakukan di dalam Mazmur 8 dan Raja Salomo di dalam Amsal, 6. Meditasi seperti mudah dilakukan oleh kaum Puritan kerana boleh dilakukan 75ahaja-mana 75ahaja. Sementara itu meditasi terencana adalah hal yang sangat penting berlaku mengambil kira soal waktu dan perlu bersendirian di kamar dengan melakukan renungan firman Tuhan.¹⁹

Pemuridan Melalui Ibadah Hari Minggu

Kaum puritan dikenal sebagai masyarakat yang menjaga dan memperhatikan hari sabat dengan begitu serius sekali kerena hari sabat bukan pilihan melainkan kehendak Allah. Mereka mengkhususkan hari sabat atau hari aktiviti keagaaman untuk digunakan untuk membangunkan kekudusan dalam keluarga dan jemaat gereja.²⁰ Selain itu, keseriusan Puritan dalam memperhatikan hari sabat bukanlah menidakkannya sebarang aktiviti lain namun Sabat merupakan satu-satunya waktu untuk melakukan pekerjaan rohani dalam keluarga.²¹

Persiapan dilakukan kaum Puritan dalam memperhatikan hari sabat bermula dengan keluarga iaitu mereka akan berdoa bersama ahli keluarga dan merenungkan firman Tuhan. Setelah itu, mereka akan ke gereja untuk ibadah bersama. Di gereja mereka akan membawa kitab suci dan mencatatkan catatan dari khotbah yang mereka dengar yang bertujuan untuk berbincang semula dalam keluarga dan sesama orang percaya.²²

Proses pemuridan terjadi dalam ibadah dan pasca ibadah khususnya dalam perbincangan khotbah dan juga perbincangan antara jemaat gereja mereka. Lazimnya mereka akan berkumpul dan berkongsi pengalaman rohani mengenai aplikasi khotbah yang mereka telah dengar dan ini sekaligus menyegarkan dan membangkitkan kembali semangat rohani mereka akan pastinya diperbarui.

¹⁹ Joel R, Jones R &, Mark, Beeke. *A Puritan Theology: Doctrine for Life*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2012.

²⁰ Francis J, Bremer. *Puritanism: A Very Short Introduction*. Oxford: University Press, 2009.

Model Pemuridan ICM di Sarawak

International Christian Mission (ICM), Sarawak adalah merupakan cabang dari ICM, Kuala Lumpur dan ditubuhkan pada tahun 1995 ketika perjumpaan doa pemimpin-pemimpin Kristian di bandar Sibu. Bermula dari situ sehingga ke hari ini, ICM Sarawak bergerak mengatur kelas pemuridan menggunakan modul-modul atau bahan pemuridan ICM dengan mengadakan kerjasama dengan gereja-gereja tempatan di negeri Sarawak.

Dasarnya, ICM merupakan sebuah badan misi yang berfokus kepada pengajaran firman Tuhan dengan menggunakan bahan-bahan yang dibangunkan untuk memuridkan orang-orang percaya di bandar mahupun di luar bandar. Selain itu, ICM turut menganjurkan penginjilan jangka pendek ke kawasan luar bandar di Sarawak dengan menghantar para pelajar, alumni bersama tenaga pengajar.

Konsep pemuridan ICM ialah membawa sekolah alkitab ke luar bandar mahupun dibandar kepada komuniti dan gereja setempat yang tidak mampu ke sekolah Alkitab dibandar-bandar besar oleh kerana mungkin disebabkan kekangan masa, pekerjaan dan kewangan. Dalam konteks ini, ICM menghantar tenaga pengajar ke tempat yang memiliki kumpulan orang Kristian yang mahu mendalami alkitab.

Model pemuridan ICM terbahagi kepada dua iaitu bekerjasama dengan gereja setempat dan gereja separa. Kerjasama dengan gereja setempat meliputi gereja Borneo Evangelikal Mission, Sarawak dan juga dengan beberapa gereja bukan BEM dari denominasi yang lain seperti Anglikan, Baptist, Good News, Gereja Injil Sepenuh, New Generation Church dan lain-lain. Gereja-gereja setempat ini menawarkan kepada jemaat mereka yang ingin menyertai kelas pemuridan dan ICM akan bertindak menghantar tenaga pengajar serta bahan-bahan pemuridan ICM.

Sementara itu, kelas pemuridan ICM yang dikategorikan sebagai gereja separa yang meliputi kelas dalam talian menggunakan aplikasi Zoom meeting dan Google meet. Selain itu, kelas pemuridan ICM di anjurkan di pusat pemulihan dadah di Miri khas kepada

²¹ Richard, Bexter. *Reformed Pastor -The Christian Classic Ethereal Library-* Grand Rapids: Sovereign Grace Pub, Page 9.

²² Francis J, Bremer. *Puritanism: A Very Short Introduction*. Oxford: University Press, 2009. P. 64

²³ Ibid, 66

orang-orang Kristian, di rumah-rumah panjang yang terbuka kepada pengajuran kelas-kelas pemuidan dilangsungkan dan juga disekolah-sekolah dalam pertemuan pelajar-pelajar Kristian dengan menggunakan bahan ICM.

Bahan-bahan ICM mengandungi modul pembelajaran yang Alkitabiah dan dibentuk khusus untuk memperlengkapi orang-orang percaya. Terbahagi kepada tiga modul iaitu modul satu iaitu bertajuk dasar-dasar peribadi dan pemenang sejati, modul kedua iaitu bertajuk karunia roh kudus dan perintisan gereja dan modul ketiga iaitu prinsip - prinsip lanjutan bagi pertumbuhan gereja.

Pada akhir setiap modul, para pelajar akan diberikan sijil penamatian dan majlis graduasi khas akan dianjurkan bagi pelajar ICM yang menamatkan modul tiga. Para pelajar yang tamat melalui kelas pemuridan ICM akan melayani gereja tempat mereka beribadah, terlibat dalam misi jangka pendek dan ada diantara mereka yang terpanggil untuk menyambung pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi di sekolah-sekolah Injil.

Interpretasi Pandangan Umum Mengenai Perbandingan Model Pemuridan

Perbandingan umum antara kedua-dua model pemuridan kaum puritan dan ICM adalah menarik untuk diteliti dan dicernakan sebaik mungkin. Pemuridan kaum puritan telah terbukti didalam sejarah orang Inggeris dapat melahirkan ramai para agamawan dan golongan bijak pandai tentang soal kebenaran.

Fokus dan strategi model kaum puritan ialah kepada keluarga dan gereja manakala model pemuridan ICM berkerjasama dengan gereja setempat dan gereja separa. Kedua-dua fokus dan strategi model pemuridan ini boleh di integrasikan dan ditambah baik bagi melancarkan lagi kelas pemuridan pada masa kini.

Dari segi bahan-bahan dan kaedah yang digunakan, kedua-dua model mempunyai bahan-bahan tersendiri iaitu kaum puritan menggunakan kaedah khutbah secara expositori di mimbar dan juga menggunakan bahan Katekismus, konfesi dan credo di gereja dalam pemuridan. Sementara itu, ICM menggunakan bahan pemuridan yang sistematik dari modul 1, 2 dan 3 dalam kelas pemuridan yang sudah diterjemahkan dalam bahasa tempatan. Jelas sekali, kelas pemuridan yang diadakan pada hari ini perlu mempunyai bahan pemuridan yang teratur dan bersistematik agar memudahkan bakal pelajar iaitu orang-orang Kristian untuk memahami.

Penerapan dan aplikasi perbandingan kedua-dua model dapatkan dirangkumkan bahawa kesan dari model kaum puritan terlihat daripada jemaat mereka menjaga kekudusan hari Sabat. Sementara itu, aplikasi dan penerapan kelas pemuridan ICM terlihat daripada latihan misi jangka pendek ke kawasan pendalaman khususnya ke luar bandar.

Implikasi kepada gereja, pemuridan kaum Puritan telah banyak menghasilkan dan menerbitkan buku-buku dan jurnal rohani untuk membantu perkembangan iman dan kepercayaan orang Kristian pada masa tersebut. Manakala, pelatih-pelatih kelas-kelas pemuridan ICM banyak terlibat dalam pelayanan di gereja setempat. Mereka juga terlibat dalam penginjilan misi jangka pendek ke luar bandar khususnya ke rumah-rumah panjang. Sebahagian bekas-bekas pelatih ICM menubuhkan gereja di kawasan pendalaman dan ada juga yang menyambung pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi di sekolah-sekolah Injil.

Cadangan Kepada Gereja Kesan daripada Perbandingan Antara Model Pemuridan

Terdapat empat cadangan umum yang berfokus dan boleh dikemukakan kepada gereja melalui pelayanan pemuridan yang boleh dilakukan samaada di dalam gereja maupun diluar gereja.

Fokus Kepada Pemuridan Keluarga

Pemuridan adalah suatu komponen pelayanan yang mendesak untuk dilakukan pada masa kini kepada setiap orang Kristian samaada melalui keluarga, masyarakat maupun gereja. Kaum Puritan telah melakukan pemuridan dalam sejarah berfokus kepada pemuridan dalam institusi kekeluargaan dan mereka telah mengalami era reformasi yang berkesan sehingga menjadi sebutan sehingga ke hari ini. Maka sangat relevan dan bersesuaian untuk setiap ahli keluarga orang percaya pada hari ini untuk membangunkan kembali dan mengangkat kembali kepentingan pemuridan dalam setiap keluarga orang-orang Kristian. Peranan ibu dan bapa dalam keluarga perlu mengambil sikap yang lebih proaktif untuk mempunyai dasar pengetahuan Kristian bagi memperlengkapi pasangan dan anak masing-masing.

Fokus Kepada Pemuridan di Gereja.

Pemuridan dan gereja tidak boleh berpisah kerana jemaat perlu diajarkan firman Tuhan dengan bersistematis dan berterusan. Model pemuridan dari kaum Puritan telah menjadi teladan bahawa mereka telah memuridkan jemaat semasa berkhotbah di mimbar dengan menggunakan kaedah perkongsian khutbah yang berbentuk expositori dari Alkitab. Mereka juga mendukung penggunaan bahan-bahan Katekismus, konfesi dan kredo di gereja dalam pemuridan. Sementara itu, model pemuridan ICM, Sarawak juga boleh digunakan dalam merancang, merangka dan menyusun atur kelas pemuridan di gereja setempat.

Fokus Kepada Pemuridan Apologetik

Pada masa kini orang-orang percaya dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama berhadapan dengan situasi dimana kepercayaan sering dipertanyakan dan dipersoalkan. Pertanyaan-pertanyaan ini sering kali menyentuh soal keimanan dan kebenaran didalam hubungkait kepercayaan kita kepada Tuhan Yesus Kristus. Mahu tidak mahu, pemuridan cara pendekatan dan metode yang baru harus dirangka dan dijalankan.

Mengambil kira usaha kaum puritan didalam sejarah, mereka memuridkan orang-orang percaya menggunakan pendekatan yang mereka panggil sebagai katekismus, konfesi dan kredo. Pendekatan kepentingan menyediakan orang-orang dengan satu set pengakuan iman melalui pembelajaran firman Tuhan adalah salah satu cara yang boleh diguna pakai. Dalam konteks yang hampir sama, ICM juga membangunkan satu set modul yang meningkatkan kefahaman dasar kepercayaan orang-orang percaya.

Lantaran itu, pemuridan harus menyediakan orang-orang percaya dalam keluarga dan gereja khususnya dengan berfokuskan pemuridan apologetik iaitu mempersiapkan mereka dengan jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang berkait langsung dengan iman dan kepercayaan. Dalam erti yang lain, iaitu pemuridan yang lebih berfokus kepada pertanyaan-pertanyaan iman orang percaya dan kesannya nanti mereka tidak mudah goyah serta bersedia dalam menghadapi penyesatan iman.

Fokus kepada pemuridan yang menghasilkan bahan bacaan Pemuridan dalam kalangan orang-orang percaya berdasarkan umur dan tingkat pengetahuan kerohanian berlangsung melalui beberapa

fasa dan melalui proses yang panjang. Sepanjang proses tersebut, segala peristiwa, pengalaman peribadi dan kesaksian hidup yang berguna dan membangun harusnya dibukan dalam bentuk tulisan mahupun dirakamkan secara digital.

Mereka yang melalui proses pemuridan dalam satu-satu kelas pemuridan boleh berusaha menghasilkan bahan-bahan bacaan yang berbentuk jurnal, renungan dan kesaksian hidup yang membangunkan iman bersandarkan firman Tuhan. Hasilnya, orang-orang Kristian setempat dapat memperbanyakkan bahan-bahan ilmiah yang alkitabiah dalam bahasa dan budaya tempatan.

Kesimpulan

Melihat kepada perbandingan antara model pemuridan kaum puritan Inggeris dengan ICM, Sarawak terdapat beberapa metodologi dan fokus yang positif dan relevan yang boleh diterapkan bagi kelas pemuridan pada masa kini. Model pemuridan kaum puritan mementingkan pemuridan unit asas dalam keluarga dan di gereja masing-masing bagi membentuk dan membangunkan suatu komuniti yang orang percaya yang kuat, teguh dan beriman kepada Kristus.

Dapat disimpulkan bahawa melalui perbandingan ini, orang-orang percaya dan juga pemimpin gereja pada masa kini menilai kembali keberkesanan kelas pemuridan yang dijalankan berdasarkan kedua-dua model yang telah dibandingkan dalam merangka kelas pemuridan yang lebih efektif dan memberikan impak yang besar kepada orang-orang Kristian demi kemuliaan nama Tuhan.

Bibliografi

- Baxter, Richard. *Reformed Pastor* -The Christian Classic Ethereal Library- Grand Rapids: Sovereign Grace Pub.
- Beeke, Joel R. & Jones, Mark. *A Puritan Theology: Doctrine for Life*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2012.
- Beeke, Joel R. *Puritan Reformed Spirituality*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2004.
- Beeke, Joel R.& Penderson, Randall J.” Preface ”in *Meet the Puritans*. Grand Rapids: Reformation Heritage Books, 2012.
- Bill Hull, The Disciple Making Church: leading Body on Believers on the Journey of Faith (Grand Rapids: Baker Books, 2010)
- Bremer, Francis J. *Puritanism: A Very Short Introduction*. Oxford: University Press, 2009.
- Dyken, Donald van. *Rediscovering Catechism: The Art of Equipping Covenant Children*. New Jersey: P & R Publishing, 2000.
- Jonathan, Edward “Farewell Sermon”. *Works of Jonathan Edwards*, Volume One. <http://www.ccel.org/e/edwards/works1.i.xxvi.html>.
- Lawson, Steven J. *The Expository Genius of John Calvin*. Florida: Reformation Trust, 2008.
- Packer, J.I. *A Quest for Godliness: The Puritan Vision of the Christian Life*. Wheaton, Il: Crossway Books, 1990.
- Packer, J.I. *Puritan Papers*. New Jersey: P & R Publishing, 2001.
- Perkins, William. *A Commentary on Galatians*, ed. Gerald T. Sheppard. New York: Pilgrim Press, 1989.
- Peter C. Wagner, Gereja Saudara Dapat Bertumbuh (Malang: Gandum Ms, 1997), 10
- Peter Wongso, Tugas Gereja dan Misi Masa Kini (Surabaya: Yakin, 1981), 80
- Richard J. Edlin (2014), The cause of the Christian Education, terjemahan Hakikat Pendidikan Kristen, Jakarta BPK Gunung Mulia, 2014), p.p 26-28.
- Richards, James B. *The Lost Art of Discipleship*. Surabaya: Majesty Books, 2006.
- Whitford, David M. ed. *T & T Clark to Reformation Theology*. London: Bloomsbury T & T Clark, 2014.

**Menangani Kesan Urbanisasi terhadap Gereja Pedalaman:
Kajian Kes Gereja BEM Hosanna Empili, Simunjan, Sarawak
(2023)**

Oleh:
Donald A. Ginyan
Doctor of World Christian Studies (Cand.)

Abstrak

Kajian ini meneliti kesan urbanisasi terhadap gereja di pedalaman, dengan fokus khusus pada Gereja BEM Hosanna Empili di Simunjan, Sarawak. Laporan bancian Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan kadar urbanisasi di negara ini melonjak daripada 28.4% kepada 75.1% dalam tempoh lima puluh tahun. Urbanisasi telah menyebabkan peralihan demografi yang signifikan, khususnya kehilangan potensi pemimpin evangelikal untuk gereja di pedalaman. Kajian kes ini bertujuan untuk memahami kesan urbanisasi ke atas kehidupan bergereja di Gereja BEM Hosanna Empili dengan membangunkan profil jemaat serta mengenalpasti cabaran utama yang dihadapi.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes, melibatkan senarai keluarga dalam Buku Daftar Gereja serta wawancara dan pemerhatian lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor umur, tahap pendidikan, ekonomi, dan ketiadaan pastor adalah antara kesan utama yang dihadapi oleh gereja. Beberapa pendekatan disyorkan untuk menangani isu-isu ini agar gereja pedalaman dapat terus berfungsi dengan mampan. Kajian ini turut mencadangkan kerjasama dan bantuan daripada komuniti Kristian di bandar serta agensi kerajaan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh gereja pedalaman dalam era urbanisasi.

Kata Kunci: Urbanisasi, Gereja Pedalaman, Gereja BEM Hosanna Empili, Kepimpinan Gereja, Kesan Urbanisasi, Jemaat, Kristian.

Latar Belakang Kajian

Akhbar The Star pada 23 Disember 2022 melaporkan hasil bancian oleh Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan kadar urbanisasi di Malaysia melonjak tiga kali ganda daripada 28.4% kepada 75.1% dalam tempoh lima puluh tahun ini.¹ Lausanne Movement dalam artikel bertarikh 6 Januari 2023, yang bertajuk *Ten Questions That Will Shape 2025* mencatatkan persoalan “Kita tahu peralihan demografi akan mendorong perubahan, tetapi bagaimanakah gereja akan merapatkan jurang dan merebut peluang yang datang dengan perubahan tersebut?”² Mark Hutchinson dan John Wolffe mencatatkan bahawa Perang Besar mengakibatkan kematian atau kecacatan ramai pemimpin evangelis masa depan yang berpotensi.³ Fokus dan strategi terkini penginjilan yang telah dimaklumkan kepada gereja-gereja Borneo Evangelical Mission (BEM) di bandar oleh Komiti Misi dan Penginjilan BEM Sarawak ialah penginjilan bandaraya. Strategi ini bukan sesuatu yang baru kerana Mark Hutchinson dan John Wolffe juga memperhatikan peralihan strategi misi ke arah penumpuan yang lebih pragmatik pada bidang yang menghasilkan pulangan yang paling besar.⁴

Kesan urbanisasi yang mendorong kepada peralihan demografi, kehilangan pemimpin evangelikal yang berpotensi untuk kepimpinan gereja pedalaman di masa akan datang dan keadaan gereja pedalaman yang tidak mempunyai pastor mencetus idea bagi kajian ini. Tambahan pula, inilah keadaan yang diperhatikan sedang dialami oleh gereja-gereja BEM di pedalaman seperti Gereja BEM Hosanna Empili, Gereja BEM Shalom Gawang dan Gereja BEM

¹ N. Trisha, Urbanisation rate tripled from 28.4% to 75.1% in last 50 years, census shows,” The Star, 23 December 2022, 3:17 p.m., <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/23/urbanisation-rate-tripled-from-284-to-751-in-last-50-years-census-shows>

² Matthew Niermann, “Ten Questions That Will Shape 2025,” *Lausanne Movement*, 6 January 2023, <https://lausanne.org/about/blog/ten-questions-that-will-shape-2050>

³ Mark Hutchinson and John Wolffe, *A Short History of Global Evangelicalism* (Cambridge University Press, 2012), 155.

⁴ Mark Hutchinson and John Wolffe, *A Short History of Global Evangelicalism*, 169.

Kampung Sual yang dikunjungi dalam rangka program Pelayanan Misi dan Penginjilan gereja BEM Kuching Bahasa Malaysia.

Ciri khusus Gereja BEM Hosanna Empili ialah bilangan keluarga yang berdaftar dalam Buku Daftar Gereja adalah dua puluh tujuh keluarga, tetapi kehadiran di kebaktian Ahad hanya dalam lingkungan tiga puluh ke empat puluh orang sahaja. Kebanyakan jemaat yang hadir terdiri daripada orang dewasa yang berumur empat puluh lima tahun ke atas. Kunjungan ke rumah-rumah semasa pelayanan khusus juga mendapati kebanyakan orang yang mendiami rumah keluarga adalah golongan tua dan kanak-kanak. Secara am, jawapan yang diberi berkenaan fenomena ini ialah anak dan menantu serta keluarga mereka sudah berpindah untuk tinggal di bandar. Faktor urbanisasi dilihat memberi kesan terhadap gereja ini.

Tujuan dan Konteks Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menangani kesan urbanisasi terhadap gereja di pedalaman, secara khusus Gereja BEM Hosanna Empili sebagai kajian kes. Kajian ini berusaha menjana profil jemaat Gereja BEM Hosanna Empili untuk memahami sejauh mana kesan urbanisasi mempengaruhi kehidupan bergereja di situ. Melalui profil ini, cabaran-cabaran yang ketara akan dibincangkan, dengan harapan akan mencetus idea untuk membangunkan perancangan yang lebih bersasar terhadap keperluan jemaat bagi kehidupan bergereja yang lebih mampan.

Kampung Empili adalah perkampungan masyarakat Iban yang terletak di penghujung jalan Gawang-Empili di daerah Simunjan, Sarawak. Fasiliti kerajaan yang terdekat ialah SK Gawang-Empili yang terletak kira-kira dua kilometer dari kampung tersebut. Pekan terdekat ialah pekan Simunjan, yang terletak kira-kira 48-kilometer ke arah barat laut, manakala bandar terdekat ialah bandar Serian, yang terletak 62 kilometer ke arah barat. Kampung Empili dihubungkan dengan jalan kampung yang sudah berturap, sudah mendapat bekalan elektrik dan air, namun akses internet masih terhad.

Hampir keseluruhan penduduk kampung beragama Kristian. Pada masa ini denominasi yang mempunyai jemaat di Empili ialah Borneo Evangelical Mission, Anglican, Roman Catholic dan Seventh-day Adventist. Denominasi yang sudah mendirikan bangunan gereja di kampung ini ialah BEM. Bangunan gereja BEM Hosanna Empili telah siap dibina pada tahun 2011 dengan bantuan biaya dan sokongan oleh gereja BEM Kuching dan gereja dari Korea Selatan.

Kajian ini bertumpu di kalangan jemaat BEM Hosanna Empili. Gereja ini pernah digembalakan sepenuh masa oleh seorang pastor-penginjil yang diutus oleh Gereja BEM Kuching Bahasa Malaysia dari tahun 2011 sehingga tahun 2018. Setelah pastor-penginjil tersebut berpindah, tugas penyelenggaraan kebaktian dipikul oleh pemimpin gereja, dibantu melalui kunjungan oleh ketua BEM Zon Simunjan dan pasukan dari Gereja BEM Kuching Bahasa Malaysia.

Soalan Kajian

Persoalan utama yang menuntun kajian ini ialah:

“Apakah penanganan yang diperlukan oleh jemaat BEM Hosanna Empili yang terkesan oleh proses urbanisasi bagi membolehkan gereja BEM Hosanna Empili berfungsi dengan mampan?”

Terdapat tiga sub-soalan yang mendasari persoalan utama kajian ini, iaitu:

- 1) Apakah pemahaman alkitabiah tentang gereja yang berfungsi?
- 2) Apakah persepsi jemaat mengenai faktor umur dan tahap pelajaran dalam melaksanakan pengajaran Alkitab dan kepimpinan geraja?
- 3) Bagaimana persepsi ini mempengaruhi peranan dan pelayanan mereka di gereja?

Kaedah dan Batasan Kajian

Kajian ini mengambil pendekatan secara kualitatif, menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini menggunakan-pakai senarai keluarga dan nama jemaat yang terdapat dalam Buku Daftar Gereja BEM Hosanna Empili. Soal selidik, wawancara dan pemerhatian lapangan digunakan dalam proses mengumpul data.

Kajian ini terhad kepada jemaat yang tersenarai dalam Buku Daftar Gereja BEM Hosanna Empili. Melalui senarai ini maklumat julat umur, tahap pendidikan dan lokasi kediaman jemaat diperolehi berdasarkan soal-selidik dan wawancara dengan ahli keluarga yang masih berada di kampung. Bahasa pengantar utama yang digunakan ialah Bahasa Melayu dengan beberapa penerangan disampaikan menggunakan Jaku Iban oleh seorang penterjemah.

Carta yang diperolehi dari kajian ini digunakan untuk menentukan profil umur dan tahap pelajaran jemaat yang masih


berada di kampung. Profil ini menjadi rujukan untuk mencartakan, mencadangkan dan mengaplikasi strategi yang sesuai untuk menangani kesan urbanisasi terhadap kepimpinan dan kehidupan bergereja di pedalaman. Dapatkan daripada kajian ini diharap dapat diaplikasikan pada gereja-gereja BEM luar bandar yang mencarta profil yang serupa.

Hasil Kajian dan Analisa

Soalan kajian soal selidik dibuat dengan menyenaraikan enam kategori, iaitu peranan di dalam keluarga, jantina, umur, pendidikan tertinggi, tempat tinggal dan jika tinggal di bandar, apa tujuan di bandar. Kategori peranan dalam keluarga dibahagikan kepada bapa, ibu, anak, datuk, neneh, cucu atau menantu. Kategori jantina adalah lelaki atau perempuan. Kategori umur dibahagikan kepada julat umur 12 tahun dan ke bawah, 13 hingga 17 tahun, 18 hingga 25 tahun, 26 hingga 40 tahun, 41 hingga 60 tahun atau lebih daripada 60 tahun. Kategori pendidikan tertinggi dibahagikan kepada lulusan Darjah Enam, Tingkatan Tiga (LCE/SRP/PMR), Tingkatan Lima (MCE/SPM), Sijil (STPM/Diploma), Sarjana Muda, Sarjana atau tiada pendidikan formal. Kategori tempat tinggal dibahagikan kepada Kampung, Bandar atau Asrama. Jika tinggal di bandar, sebab yang ingin diketahui ialah sama ada kerana belajar, bekerja atau bersama keluarga.

Sebanyak 27 keluarga tersenarai dalam Buku Daftar Gereja BEM Hosanna Empili. Jumlah nama yang tersenarai ialah 181 orang, dengan 48 peratus lelaki dan 52 peratus perempuan. Data bagi kategori peranan ialah 12 peratus bapa, 13 peratus ibu, 46 peratus anak, tiada datuk, satu peratus neneh, 18 peratus cucu dan lapan peratus menantu. Data bagi kategori umur ialah terdapat enam peratus berumur 12 tahun dan ke bawah, tujuh peratus berumur 13 hingga 17 tahun, sembilan peratus berumur 18 hingga 25 tahun, 33 peratus berumur 26 hingga 40 tahun, 22 peratus berumur 41 hingga 60 tahun dan 19 peratus berumur lebih daripada 60 tahun. Data bagi kategori pendidikan tertinggi ialah 17 peratus lulusan Darjah Enam, sembilan peratus lulusan Tingkatan Tiga (LCE/SRP/PMR), 36 peratus lulusan Tingkatan Lima (MCE/SPM), 11 peratus lulusan Sijil (STPM/Diploma), dua peratus lulusan Sarjana Muda, kurang daripada satu peratus lulusan Sarjana dan 19 peratus tiada pendidikan formal. Kategori tempat tinggal mencatatkan 48 peratus tinggal di kampung, 48 peratus tinggal di bandar dan empat peratus tinggal di asrama. Bagi mereka yang tinggal di bandar, 21 peratus disebabkan belajar, 59 peratus kerana bekerja dan 20 peratus kerana bersama keluarga.


Analisa lanjut terhadap kaitan di antara faktor umur dengan tempat tinggal mendapati bahawa lingkungan umur yang paling ramai tinggal di kampung berbanding di bandar ialah bawah 12 tahun dan melebihi 60 tahun. Lingkungan umur paling ramai tinggal di asrama ialah 13 hingga 17 tahun, yang melibatkan pelajar sekolah menengah yang belajar di SMK Balai Ringin, Serian. Mereka yang berumur 18 tahun sehingga 60 tahun paling ramai tinggal di bandar dengan umur paling menonjol ialah lingkungan 26 hingga 40 tahun, yang mencatat 72 peratus bagi julat umur tersebut, diikuti lingkungan umur 18 hingga 25 tahun yang mencatat 65 peratus bagi julat umur tersebut. Data ini menunjukkan daripada 48 peratus yang tinggal di bandar, 84 peratus adalah dari lingkungan umur 18 hingga 60 tahun. Data ini mengesahkan bahawa ramai orang muda daripada gereja BEM Hosanna Empili telah migrasi ke bandar disebabkan faktor urbanisasi. Taburan julat umur berdasarkan tempat tinggal dicartakan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Taburan Julat Umur berdasarkan Tempat Tinggal

Analisa lanjut terhadap kaitan di antara tahap pendidikan dengan tempat tinggal mendapati bahawa lulusan Darjah Enam, Tingkatan Tiga dan yang tiada pendidikan formal yang paling ramai tinggal di kampung berbanding di bandar. Lulusan Tingkatan Lima dan ke atas paling ramai tinggal di bandar dengan yang paling menonjol ialah semua yang mempunyai lulusan Sarjana Muda dan Sarjana tinggal di bandar. Terdapat 90 peratus lulusan Sijil dan 70

peratus lulusan Tingkatan Lima turut tinggal di bandar. Data ini menunjukkan dari 48 peratus jemaat BEM Empili yang tinggal di bandar, 81 peratus mempunyai tahap pendidikan Tingkatan Lima ke atas. Data ini mengesahkan bahawa ramai orang berpendidikan dari gereja BEM Hosanna Empili telah migrasi ke bandar disebabkan faktor urbanisasi. Taburan tahap pendidikan berdasarkan tempat tinggal dicartakan dalam Rajah 3.




Rajah 3: Taburan Tahap Pendidikan berdasarkan Tempat Tinggal

Temubual dengan jemaat BEM Hosanna Empili berkaitan dengan aktiviti ekonomi mereka di kampung menonjolkan bahawa ramai mereka tidak lagi mengusahakan pertanian padi sawah mahupun padi huma kerana mereka sudah tidak berdaya disebabkan faktor umur, kurang orang yang dapat dibawa gotong-royong mengusahakan sawah serta hasilan yang tidak memuaskan berbanding dahulu. Keadaan ini dibuktikan dengan banyak kawasan bidang sawah yang sudah terbiar. Keberadaan nasi di dapur ditentukan melalui pembelian beras dari pasar.

Hasil temubual turut mendapati bahawa pertanian komoditi yang sebelum ini telah diusahakan oleh masyarakat di kampung ini seperti lada hitam, getah dan koko sudah banyak ditinggalkan kerana kos penyelenggaraan lada hitam terlalu tinggi berbanding dengan hasil yang hanya dapat dituai setahun sekali, serta harga komoditi getah dan koko yang terlalu rendah untuk keringat mereka berbaloi. Beberapa orang di antara mereka beralih kepada penanaman kelapa sawit kerana hasilnya dapat dituai lebih kerap dan adanya pusat

pengumpulan buah kelapa sawit yang berada kira-kita 13 kilometer dari kampung tersebut. Namun demikian, harga komoditi kelapa sawit yang menurun berbanding harga baja dan racun yang semakin meningkat oleh faktor urbanisasi global menyebabkan ramai



penduduk kampung yang bergantung kepada hasil pertanian hidup di bawah garis kemiskinan. Kekurangan pendapatan menyebabkan jemaat Gereja BEM Hosanna Empili tidak mampu mengumpul dana yang cukup untuk membayar gaji pastor. Trend harga minyak sawit dan harga baja sedunia dilampirkan dalam Rajah 4.

Rajah 4: Trend harga minyak kelapa sawit dan harga baja sedunia

Sumber: Trading Economics⁵ dan World Economic Forum⁶

Urbanisasi yang mendorong ramai penduduk luar bandar migrasi ke bandar menjadikan tumpuan pelayanan Kristian menganjak ke kawasan bandar. “Penjala ikan lebih suka menjala di kawasan yang banyak ikan” menggambarkan penumpuan pragmatik pada bidang yang menghasilkan pulangan yang paling besar.⁷ BEM Sarawak yang turut memberi penekanan tentang kepentingan penginjilan bandar menggalakkan dan menempatkan lebih ramai pastor di bandar. Galakan daripada BEM Sarawak serta faktor keserasian, kemudahan dan kemampuan gereja-gereja BEM di bandar-bandar menggaji pastor mendorong lebih ramai pastor bertumpu ke bandar. Tidak dapat dinafikan bahawa pastor juga terkesan dengan faktor urbanisasi dan migrasi, sehingga gereja BEM di pedalaman seperti BEM Hosanna Empili tidak mempunyai pastor sejak berpindahnya Pastor Kingsly ke kawasan Miri pada tahun 2018.

Menangani Kesan Urbanisasi

Kanak-Kanak dan Orang Tua

Hasil kajian yang menunjukkan 72 peratus kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah masih berada di kampung, menunjukkan perlunya pelayanan Sekolah Minggu diaktifkan di BEM Hosanna Empili untuk melatih anak-anak ini mengenal Kristus daripada peringkat usia muda. Penyediaan awal dasar iman akan membantu mereka mempertahankan iman semasa mereka beralih ke peringkat remaja dan akan tinggal di asrama sekolah. Dasar iman ini diharap menjadi penggalak untuk mereka menghadiri dan terlibat aktif dalam Perjumpaan ISCF⁸ di sekolah-sekolah menengah, seperti SMK Balai Ringin.

⁵ “Palm Oil Price Chart Historical Data News,” Trading Economics, diakses 30 Disember, 2023, <https://tradingeconomics.com/commodity/palm-oil>

⁶ “This is how far in Europe is disrupting fertilizer supplies and threatening global food security,” World Economic Forum, 1 March, 2023, diakses 30 Disember, 2023, <https://www.weforum.org/agenda/2023/03/ukraine-fertilizer-food-security/>

⁷ Mark Hutchinson and John Wolffe, *A Short History of Global Evangelicalism*, 169.

⁸ Inter-School Christian Fellowship tersenaraikan sebagai aktiviti ko-kurikulum bagi pelajar-pelajar Kristen pelbagai denominasi gereja di

Peringkat umur 4 hingga 14 tahun adalah peringkat umur keterbukaan tinggi terhadap Injil, berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh *National Association of Evangelicals* pada tahun 2015. Kajian ini meninjau ahli mereka untuk mengetahui pada usia berapa ahli membuat keputusan paling penting dalam hidup mereka. Hasil kajian menunjukkan 63 peratus ahli membuat keputusan paling penting itu pada umur antara 4 hingga 14 tahun. Selepas usia 18 tahun, peratusan itu menurun secara drastik.⁹

Orang tua yang masih berada di kampung diperhatikan lebih menghargai Pelayanan Doa. Kunjungan ke rumah untuk mendoakan keperluan khusus dilihat memberi dorongan untuk mereka terus setia menghadiri kebaktian. Hal ini seajar dengan beberapa cadangan yang disarankan oleh NECF Malaysia dalam menangani golongan tua, seperti kunjungan rumah, hubungan sosial dan bantuan fizikal untuk membolehkan orang tua dapat terus hidup dalam komuniti.¹⁰ Keprihatinan terhadap orang tua, terutama oleh pasukan yang datang mengunjungi jemaat akan membawa penghiburan terutama kepada mereka ini yang mengalami kesunyian kerana anak, menantu dan cucu tidak bersama mereka di kampung. Tindakan yang menyerlahkan kasih Kristus di kalangan orang tua ini akan menguatkan jemaat yang majoritinya terdiri daripada orang tua.

Migrasi Golongan Terpelajar

Migrasi golongan terpelajar ke bandar adalah lumrah kerana mereka dapat menggunakan-pakai ilmu yang mereka ada di pelbagai bidang pekerjaan di bandar. Migrasi ini mengurangkan bilangan orang yang mempunyai latihan khusus seperti dalam bidang pengurusan yang berpotensi untuk memimpin gereja, bidang perakaunan yang berpotensi untuk menjadi bendahari gereja, bidang

sekolah-sekolah tertentu di Sarawak. Ia di bawah naungan Scripture Union Sarawak.

⁹ Teach Kids Articles, “The Window 4-14,” Teach Kids Articles, 10 May 2021, diakses 29 Disember, 2023,
<https://www.cefonline.com/articles/teach-kids-articles/the-4-14-window/>

¹⁰ Chan Kok Eng, “Contribution and Care of the Elderly: Some Perspectives”, NECF Malaysia, diakses 31 Disember, 2023,
<https://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=12&action=view&retrievid=29>

perhubungan awam yang berpotensi untuk menjadi setiausaha gereja dan sebagainya. Cabaran kepimpinan ini nyata dalam struktur organisasi gereja BEM Hosanna Empili, kerana daripada 11 orang ahli jawatankuasa gereja, hanya 27 peratus sahaja lulusan Tingkatan Lima dan yang selebihnya lulusan tingkatan tiga ke bawah. Melatih pemimpin gereja pedalaman dengan pelajaran teologia serta kaedah-kaedah pengurusan gereja harus diberi keutamaan.

Sumber untuk membimbing dan melatih pemimpin gereja pedalaman dengan pelajaran teologia serta kaedah-kaedah pengurusan gereja boleh dipertimbangkan oleh pasukan yang diutus oleh gereja-gereja bandar untuk mengadakan kunjungan. Pasukan ini perlu merancang program dan menggunakan masa kehadiran mereka di sana dengan sebaiknya. Sebagai contoh, format perjumpaan yang dibuat oleh pasukan dari BEM Kuching Bahasa Malaysia di BEM Hosanna Empili ialah menyelenggarakan Kebaktian Ahad dari pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi, diikuti sesi perbincangan Alkitab dari pukul 10.30 pagi sehingga 11.30 pagi.

Mencungkil potensi kepimpinan adalah hikmat dari Allah. Rasul Petrus dan Rasul Yohanes bukanlah seorang yang terpelajar, seperti diakui oleh Majlis Agama Yahudi (*Kisah Para Rasul* 4:13). Kehidupan mereka bersama Tuhan Yesus Kristus selama kira-kira tiga tahun telah mengtransformasikan mereka sehingga membuatkan Majlis Agama Yahudi hairan dengan keberanian mereka. Saranan untuk mencungkil potensi kepimpinan dalam kalangan jemaat turut dikongsikan oleh Joseph Komar. Mereka yang berpotensi memimpin daripada kalangan jemaat ini perlu berada di bawah seorang pastor atau kakitangan yang tujuan utamanya adalah untuk memperlengkapi jemaat. Jemaat perlu diberi kuasa untuk menjadi lebih berkesan dalam konteks di mana pastor yang ditahbiskan tidak dapat berkhidmat.¹¹

Keterbatasan Ekonomi

Struktur ekonomi masyarakat di pedalaman lebih sukar dijangkakan kerana majoriti daripada mereka bekerja sendiri dalam bidang pertanian yang hasil dan pulangan modal tidak menentu, berbanding dengan rakan-rakan mereka di bandar yang ‘makan gaji’

¹¹ Joseph Komar, “Evangelism and Planting Churches of the Methodist Tradition in Malaysia,” *PELITA-The Methodist Church Newsletter* (April/May 2009), 13, diakses 31 Disember, 2023, <http://www.methodistchurch.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=6&action=view&retrieveid=294>

dan dibayar gaji sekurang-kurangnya pada tahap gaji minimum yang berkala, biasanya setiap bulan. Di dalam ketidak-tentuan ini, amalan gotong-royong di kalangan penduduk pedalaman mengurangkan kos untuk mengerjakan sesuatu. Amalan gotong-royong yang menonjol dalam jemaat di BEM Hosanna Empili ialah semasa mendirikan bangunan gereja pada tahun 2009 sehingga 2011, serta semasa mendirikan pagar perimeter dan membaik-pulih bangunan gereja pada tahun 2023. Amalan tradisi gotong-royong ini sejarah dengan pengajaran Alkitabiah tentang kesatuan dalam jemaat dan merupakan satu aspek untuk mengatasi keterbatasan ekonomi.

Dana untuk membeli bahan bagi membina gereja tersebut pada tahun 2009 telah diperolehi daripada sumbangan gereja dari Korea Selatan¹² dan gereja BEM Kuching Bahasa Malaysia. Penglibatan misi tempatan dan misi antarabangsa seperti dalam contoh ini penting untuk membantu jemaat di pedalaman. Selain daripada pihak organisasi Kristian, pemerolehan dana juga dapat dipohon daripada agensi kerajaan seperti UNIFOR¹³ yang telah memberi bantuan kepada 635 buah gereja Borneo Evangelical Mission (BEM) dengan jumlah RM59.7 juta (17.9 peratus) daripada tahun 2017 hingga 2023.¹⁴ Peruntukan dari UNIFOR inilah yang telah digunakan untuk membeli bahan bagi mendirikan pagar perimeter dan membaik-pulih bangunan gereja BEM Hosanna Empili pada tahun 2023. Dua contoh ini adalah contoh kaedah bagi menangani keterbatasan ekonomi bagi membangunkan infrastruktur gereja.

¹² Gereja Jamsil Trinity (Rev Park Seong Eun) dari Seoul, Korea. Rev Park telah merasmikan gereja BEM Hosanna Empili pada 2 Mac, 2011.

¹³ Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR), Jabatan Premier Sarawak. ditubuhkan pada 27 April 2017, sebagai unit baharu di Jabatan Ketua Menteri di bawah portfolio Timbalan Ketua Menteri Sarawak Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas, ia adalah agensi Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengawal selia dasar bagi menggalakkan keharmonian antara agama sambil menilai, mencadangkan dan menggubal dasar, undang-undang dan peraturan berkaitan agama lain di Sarawak.

¹⁴ Alexandra Lorna, “UNIFOR complex nearing completion, ready next year: Unggah,” New Sarawak Tribune, 21 December 2023, 1:41pm, <https://www.newsarawaktribune.com.my/unifor-complex-nearing-completion-ready-next-year-uggah/#:~:text=15%20million%20to%20these%20religious,approximately%20300%20churches%20and%20chapels>.

Amalan memberi kewangan secara peribadi kepada tabungan gereja memerlukan pengajaran Alkitabiah tentang hal memberi. Terdapat banyak contoh daripada Alkitab. Contoh-contoh daripada Perjanjian Lama termasuklah Abram memberi sepersepuluh daripada segala harta bendanya kepada imam Melkisedek (Kejadian 14:20), bangsa Israel memberi persembahan sepersepuluh daripada hasil tanah kepada golongan imam (Imamat 27:30) dan janda miskin yang memberikan sepotong roti kepada Nabi Elia (1 Raja-Raja 17:11). Contoh-contoh daripada Perjanjian Baru termasuklah seorang anak kecil memberikan lima roti dan dua ikan (Yohanes 6:9), seorang balu yang miskin memasukkan dua keping wang tembaga ke dalam peti wang persembahan (Markus 12:41-44) dan gereja Makedonia yang walaupun sangat miskin, mereka memberi menurut malah melampaui kemampuan mereka (2 Korintus 8:1-5). Impak daripada pemberian-pemberian tersebut adalah di luar jangkaan. Kesedaran ini seharusnya memberikan dorongan kepada jemaat untuk setia dalam hal memberi dan memainkan peranan sebagai anggota-anggota tubuh Kristus yang berfungsi.

Ketiadaan Pastor Untuk Menggembala Jemaat

Ketiadaan pastor untuk menggembalaan gereja BEM di pedalaman bukanlah suatu perkara baru, malah akan menjadi semakin ketara pada masa akan datang. Ini kerana daripada pemerhatian kasar, nisbah bilangan pastor berbanding bilangan gereja menunjukkan jurang yang semakin lebar dari tahun 1982 sehingga 2019. Pada tahun 1982 nisbah bilangan pastor berbanding bilangan gereja ialah 84 peratus. Pada tahun 2011 nisbah bilangan pastor berbanding bilangan gereja menurun kepada 75 peratus dan pada tahun 2019, nisbah bilangan pastor berbanding bilangan gereja telah menurun lebih drastik kepada 71 peratus sahaja.¹⁵

Keadaan yang berlaku pada masa ini di gereja BEM Hosanna Empili ialah terpaksa berkongsi seorang pastor dengan tujuh kelompok yang lain. Ini menjadikan pastor tersebut tidak dapat meluangkan masa yang berkualiti dengan jemaat. Kebaktian Minggu terpaksa dianjakkan ke sebelah petang, diadakan tidak melebihi 45 minit, tidak ada kelas pengajian Alkitab atau sesi doa khusus kerana pastor tersebut perlu berkejar ke kelompok yang lain untuk menyelenggarakan kebaktian di sana. Peranan pastor yang terlalu

¹⁵ data diambil dari Pejabat Ketua BEM Daerah Kuching, 2023.

tipis jika berkongsi dengan bilangan kelompok yang banyak turut diakui oleh Joseph Komar dalam Methodist Newsletter.¹⁶

Satu pendekatan yang pernah dilakukan oleh gereja bandar seperti BEM Kuching Bahasa Malaysia ialah menjadikan gereja pedalaman seperti BEM Hosanna Empili sebagai gereja angkat mereka. Sumbangan yang dilakukan ialah menaja seorang pastor untuk ditempatkan di gereja BEM Hosanna Empili. Hasil pendekatan ini termasuklah lonjakkan bilangan keluarga yang berdaftar daripada 20 kepada 26 keluarga dalam tempoh empat tahun. Perkembangan Sekolah Minggu serta kolaborasi aktiviti bersama pasukan misi antarabangsa turut berlaku pada masa itu.

Pendekatan ini sukar diteruskan kerana kekurangan bilangan pastor yang dapat diutus untuk mengembalakan gereja pedalaman. Oleh itu pendekatan terkini oleh gereja BEM Kuching Bahasa Malaysia ialah mengutus ahli gereja yang mempunyai pendidikan teologia untuk mengunjungi gereja pedalaman ini secara konsisten sekali dalam sebulan untuk melaksanakan tugas pelayanan firman dan doa. Walaupun pendekatan ini bukanlah yang terbaik, ia sekurang-kurangnya dapat mengisi kekosongan yang disebabkan oleh ketiadaan pastor.

Kesimpulan

Urbanisasi adalah sesuatu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Populasi bandar sentiasa meningkat dan populasi luar bandar semakin menurun saban tahun, terutama selepas inisiatif dasar utama kerajaan yang lebih berorientasikan pasaran pada tahun 1990-an. Perubahan ini lebih ketara disebabkan oleh proses migrasi dari luar bandar ke bandar. Penurunan populasi luar bandar turut memberi kesan kepada gereja di pedalaman.

Kajian ini telah berjaya mengenal-pasti kesan urbanisasi terhadap gereja BEM Hosanna Empili, Simunjan, Sarawak. Kesan yang menonjol adalah berkaitan dengan faktor umur, tahap pendidikan, ekonomi dan ketiadaan pastor yang mengembalakan

¹⁶ Joseph Komar, “Evangelism and Planting Churches of the Methodist Tradition in Malaysia,” *PELITA-The Methodist Church Newsletter* (April/May 2009),13, diakses 31 Disember, 2023,
<http://www.methodistchurch.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=6&action=view&retrieveid=294>

jemaat. Semua kesan ini harus ditangani dengan sebaik mungkin supaya gereja di pedalaman dapat terus berfungsi dengan mampan.

Terdapat beberapa pendekatan yang dapat dilakukan oleh jemaat sendiri dalam menangani kesan urbanisasi terhadap mereka. “Tetapi umat yang mengenal Allah mereka akan tetap kuat dan akan bertindak dengan berani” (Danial 11:32b). Sebagai umat Tuhan, transformasi cara berfikir melalui pembelajaran Alkitab dapat menyingkirkan pola fikiran “*victim mindset*” – tidak layak, tidak mampu – yang dipengaruhi oleh faktor usia dan tahap pendidikan. Mereka juga harus rendah hati dan terbuka untuk mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada komuniti Kristian atas dasar kasih Kristus, serta berusaha mendapatkan bantuan daripada agensi kerajaan.

Komuniti Kristian di bandar juga mempunyai peranan membantu gereja di pedalaman menangani kesan urbanisasi. Pengutusan pekerja, penyaluran dana dan meningkatkan kolaborasi yang berpusat pada kasih Kristus harus dipertimbangkan. Gereja yang berfungsi dan mampan harus tetap menyerahkan kemuliaan Tuhan.

Bibliografi

- Chan, Kok Eng. "Contribution and Care of the Elderly: Some Perspectives", NECF Malaysia. Diakses 31 Disember, 2023.
<https://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=12&action=view&retrieveid=29>
- Hutchinson, Mark and Wolffe, John. *A Short History of Global Evangelicalism*. Cambridge University Press, 2012.
- Komar, Joseph. "Evangelism and Planting Churches of the Methodist Tradition in Malaysia," PELITA-The Methodist Church Newsletter, (April/May 2009). Diakses 31 Disember, 2023,
<http://www.methodistchurch.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=6&action=view&retrieveid=294>
- Lorna, Alexandra. "UNIFOR complex nearing completion, ready next year: Unggah," New Sarawak Tribune, 21 December 2023, 1:41pm,
<https://www.newsarawaktribune.com.my/unifor-complex-nearing-completion-ready-next-year-uggah/#:~:text=15%20million%20to%20these%20religious,approximately%20300%20churches%20and%20chapels>.
- Niermann, Matthew. "Ten Questions That Will Shape 2025," Lausanne Movement, 6 January, 2023. Diakses 14 November, 2023,
<https://lausanne.org/about/blog/ten-questions-that-will-shape-2050>
- World Economic Forum. "This is how far in Europe is disrupting fertilizer supplies and threatening global food security," 1 March, 2023. Diakses 30 Disember, 2023,
<https://www.weforum.org/agenda/2023/03/ukraine-fertilizer-food-security/>

Analisis Kesan Pelayanan Sosial Gateway Community Terhadap Kesejahteraan Komuniti Imigran Semasa Pandemik Covid-19

*Oleh:
Ps. Elizabeth Margaretha*

Abstrak

Kajian ini menganalisis impak pelayanan sosial yang dijalankan oleh Gateway Community (GC) terhadap kebajikan komuniti imigran di Batu Ferringhi dan Teluk Bahang semasa pandemik Covid-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah deskriptif yang melibatkan 18 responden yang merupakan penerima manfaat program bantuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap akses penerima kepada keperluan makanan, kewangan dan kesihatan.

Penemuan ini menyokong prinsip alkitabiah dan teologi yang menekankan kepentingan kasih dan keadilan dalam pelayanan kepada golongan yang terdedah. Cadangan untuk pembangunan program, komunikasi yang berkesan, penilaian berkala dan sokongan psikososial dikemukakan untuk memastikan keberkesaan dan kemampanan pelayanan sosial pada masa hadapan. Penyelidikan ini memberi sumbangan penting kepada pembangunan program bantuan sosial dan menekankan keperluan untuk pendekatan holistik dalam menyokong kesejahteraan komuniti yang terdedah.

Kata kunci: Pelayanan sosial, kebajikan, imigran, pandemik Covid-19, bantuan sosial, teologi pelayanan.

Pengenalan

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan kesukaran ekonomi dan sosial yang mendalam di seluruh dunia, terutamanya bagi komuniti yang paling terdedah seperti imigran. Di daerah Batu Ferringhi dan Teluk Bahang, ramai imigran mengalami kesukaran memenuhi keperluan asas, akses kepada pelayanan kesihatan, dan sokongan sosial. Dalam konteks ini, pertubuhan bukan kerajaan seperti Gateway Community (GC) memainkan peranan penting dalam menyediakan bantuan sosial untuk menyokong kebajikan imigran.

Pelayanan sosial yang disediakan oleh GC mempunyai prinsip teologi yang kukuh. Dalam Alkitab, terdapat banyak ajaran tentang kepentingan menjaga dan membantu mereka yang terdedah dan memerlukan. Imamat 19:34 menekankan kasih dan keprihatinan terhadap orang yang tidak dikenali, manakala ajaran Yesus dalam Perjanjian Baru menjemput orang percaya untuk menunjukkan belas kasihan yang melampaui sempadan etnik dan sosial (Wright 1996, 311). Pelayanan sosial adalah penjelmaan panggilan untuk hidup dalam kasih dan keadilan.

Ringkasan Masalah: Apakah kesan bantuan yang diberikan oleh GC terhadap akses komuniti imigran kepada makanan, kewangan dan kesihatan semasa pandemik?

Objektif Penyelidikan: Untuk menilai kesan bantuan sosial terhadap kesejahteraan komuniti imigran dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan dan pembangunan program masa depan.

Kepentingan: Kajian ini memberikan pandangan praktikal untuk orang yang melakukan pelayanan sosial dan sumbangan akademik yang berkaitan dengan peranan pelayanan sosial dalam situasi krisis, terutamanya bagi komuniti yang terdedah.

Kajian Literatur Prinsip Alkitab dan Teologi Pelayanan sosial

Prinsip alkitabiah dan teologi adalah asas utama untuk pelayanan sosial kepada kumpulan yang terdedah, termasuk imigran. Dalam Perjanjian Lama, keprihatinan terhadap orang asing dan orang miskin adalah salah satu perintah Tuhan kepada umat-Nya. Imamat 19:34 menyatakan, "Orang asing yang tinggal di dalam kamu akan bagimu seperti orang Israel asal dari antara kamu; kasihilah dia seperti dirimu sendiri, kerana kamu juga orang asing di tanah Mesir" (LAI). Ayat ini bukan sahaja menekankan kasih kepada orang yang tidak dikenali, tetapi juga mengingatkan orang Israel tentang pengalaman mereka sebagai orang asing di Mesir, membina empati dan tanggungjawab sosial.

Prinsip ini diperkuatkan melalui ajaran Yesus dalam Perjanjian Baru. Salah satu ajaran yang paling menonjol ialah perumpamaan Orang Samaria yang Baik Hati (Lukas 10:25-37), di mana Yesus menekankan bahawa belas kasihan sejati tidak mengenal sempadan sosial, etnik atau agama. N. T. Wright mendedahkan bahawa Yesus mencabar sempadan sosial dan agama pada zamannya,

menyeru pengikut-pengikut-Nya untuk menunjukkan kasih yang radikal melalui tindakan konkrit kepada orang lain, terutamanya mereka yang berada di pinggir masyarakat (Wright 1996, 225-226).

Di samping itu, Rasul Paulus dalam Galatia 3:28 menekankan kesaksamaan semua orang dalam Kristus, yang membayangkan bahawa kasih dan pelayanan kepada jiran adalah panggilan yang mestи diwujudkan dalam tindakan konkrit, tanpa mengira perbezaan status sosial. John Stott menekankan bahawa melayani yang terdedah adalah penjelmaan panggilan gereja untuk menjadi "garam dan terang dunia" (Stott 2006, 44-45).

Teologi pelayanan sosial juga menekankan konsep keadilan dan pemerkasaan. Christopher Wright dalam *Old Testament Ethics for the People of God (2004)* menegaskan bahawa Tuhan memanggil umat-Nya untuk melakukan keadilan dan memberi perhatian khusus kepada orang miskin, yang tertindas, dan yang pelik. Prinsip-prinsip keadilan ini menjadi prinsip teologi untuk pelayanan sosial, yang memerlukan orang Kristian untuk menjadi pelakon kasih dan keadilan dalam masyarakat. Oleh itu, pelayanan sosial kepada imigran bukan sahaja tindakan belas kasihan, tetapi juga penjelmaan seruan untuk menegakkan keadilan dan kesejahteraan manusia secara keseluruhan.

Richard B. Hays menambah bahawa pelayanan sosial bukan hanya tentang menyediakan bantuan material, tetapi juga tentang memperkasakan individu untuk hidup dengan bermaruah dan berdikari (Hays 1996, 125). Dalam konteks ini, pelayanan kepada imigran bukan sahaja tentang menyediakan bantuan fizikal, tetapi juga melibatkan sokongan psikososial, pendidikan dan pemerkasaan ekonomi yang membolehkan mereka berkembang maju. Teologi holistik pelayanan sosial ini merangkumi aspek rohani, emosi dan sosial, menekankan bahawa tujuan pelayanan sosial adalah untuk memperkasakan individu secara holistik.

Timothy Keller dalam *Generous Justice (2010)* juga menekankan kepentingan kemurahan hati yang sebenar, terutamanya kepada mereka yang terdedah. Menurutnya, pelayanan sosial adalah sebahagian daripada panggilan orang Kristian untuk menjadi ejen keadilan Tuhan di dunia. Ini termasuk membantu individu memperoleh keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan, serta menyediakan sokongan yang boleh meningkatkan kesejahteraan keseluruhan mereka. Pelayanan sosial seperti yang dilakukan oleh GC mencerminkan kasih sayang dan keadilan yang diajar dalam teologi Kristian, bertindak balas terhadap keperluan komuniti yang terdedah dan memberikan sokongan holistik semasa situasi krisis (Keller 2010, 67).

Pelayanan sosial dalam Situasi Krisis

Pelayanan sosial memainkan peranan penting dalam menangani situasi krisis seperti pandemik Covid-19. Penyelidikan terdahulu telah menunjukkan bahawa komuniti yang terdedah, termasuk imigran, lebih cenderung mengalami kesukaran dalam mengakses keperluan asas semasa situasi kecemasan (Keller 2010, 91). Bantuan sosial yang disasarkan boleh meringankan beban ekonomi, memberikan rasa selamat, dan menyokong kesejahteraan fizikal dan mental individu. Organisasi seperti GC yang menyediakan pelayanan sosial semasa pandemik telah menjadi jaring keselamatan bagi mereka yang kehilangan mata pencarian dan menghadapi akses terhad kepada pelayanan kesihatan.

Pendekatan holistik terhadap pelayanan sosial dianggap paling berkesan semasa situasi krisis. Ini termasuk penyediaan keperluan dasar, sokongan psikososial, pendidikan, dan advokasi. Pelayanan sosial yang memberi tumpuan kepada pemerkasaan individu dan komuniti boleh memberi kesan positif yang lebih besar daripada pendekatan yang hanya memfokuskan pada bantuan material.

Teori Pelayanan Sosial

Teori kesejahteraan sosial menekankan kepentingan memenuhi keperluan asas, keselamatan kewangan, dan kesihatan sebagai penunjuk kesejahteraan individu dan masyarakat. Bagi komuniti imigran, kesejahteraan bergantung kepada akses kepada keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan (Schaefer 2015, 203). Semasa situasi krisis, sokongan sosial dan campur tangan daripada organisasi sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti yang terdedah.

Pelayanan sosial dan Imigran

Imigran sering menghadapi cabaran ekonomi, sosial dan kesihatan, terutamanya semasa situasi krisis. Penyelidikan ini menyerlahkan kepentingan pendekatan holistik terhadap pelayanan sosial kepada komuniti imigran, yang termasuk memenuhi keperluan asas, sokongan kewangan dan kesihatan (Smith 2018, 158). Dalam konteks pelayanan Gateway Community, pendekatan ini sangat

relevan untuk menyokong imigran yang terjejas dari segi ekonomi dan sosial oleh wabak itu.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dengan kaedah kuantitatif. Data dikumpul melalui pengedaran soal selidik kepada 18 responden yang merupakan penerima program bantuan Gateway Community. Soal selidik termasuk maklumat demografi, kesan bantuan terhadap kesejahteraan, dan maklum balas daripada penerima. Pengumpulan data dijalankan selama dua bulan dan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif.

Keterbatasan Penyelidikan: Saiz sampel yang agak kecil dan terhad di kawasan Batu Ferringhi dan Teluk Bahang boleh menjelaskan generalisasi hasil kajian ini.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Majoriti penerima adalah wanita dalam kumpulan umur 31-45 tahun dan berasal dari Indonesia. Penemuan menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan oleh GC mempunyai kesan positif yang ketara terhadap kesejahteraan penerima:

1. **Akses Makanan:** 55.6% responden melaporkan peningkatan ketara dalam akses kepada keperluan makanan selepas menerima bantuan.
2. **Kesejahteraan Kewangan:** 88.9% penerima berasa lebih selamat dari segi kewangan selepas menerima bantuan, menunjukkan sumbangan penting program untuk meningkatkan kestabilan kewangan.
3. **Kesihatan:** Majoriti responden (66.7%) melaporkan bahawa bantuan tersebut sangat membantu mereka menjaga kesihatan selama pandemik.

Maklum balas menunjukkan penghargaan terhadap program bantuan dan cadangan untuk memperluaskan skop dan kemampuan program pada masa akan datang.

Perbincangan terhadap Dapatkan

Penemuan ini menekankan bahawa pelayanan sosial yang disediakan oleh GC telah berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti imigran semasa pandemik. Keberkesanannya ini selaras dengan prinsip teologi yang menekankan kepentingan

keadilan dan kasih sayang dalam menyokong mereka yang terdedah (Wright 2004, 165). Bantuan yang diberikan bukan sahaja material, tetapi juga termasuk pemerkasaan dan sokongan psikososial, yang sangat diperlukan dalam konteks kesejahteraan holistik.

Dari perspektif praktikal, kajian ini menunjukkan keperluan untuk kemampaman dan pembangunan program, termasuk strategi komunikasi yang lebih berkesan dan penilaian berkala. Secara teorinya, keputusan ini memperkayakan kesusasteraan yang berkaitan dengan pelayanan sosial, terutamanya dalam situasi krisis dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti imigran.

Kesimpulan dan Cadangan

Bantuan yang diberikan oleh Gateway Community semasa pandemik Covid-19 telah terbukti memberi impak positif yang ketara kepada kesejahteraan penerima. Program bantuan ini telah berjaya meningkatkan akses penerima kepada keperluan makanan, memberikan rasa selamat dalam kewangan, dan menyokong kesihatan fizikal dan mental mereka. Lebih daripada sekadar bantuan material, pelayanan ini mencerminkan kasih sayang, penjagaan, dan sokongan sebenar untuk mereka yang terdedah dalam situasi krisis.

Pendekatan holistik yang diguna pakai oleh GC adalah selaras dengan prinsip kasih dan keadilan yang diajar dalam Alkitab dan teologi Kristian. Dalam konteks perkhidmatan sosial, tindakan kasih yang merangkumi pemenuhan keperluan asas, pemerkasaan ekonomi, dan sokongan psikososial menunjukkan komitmen yang mendalam terhadap ajaran Yesus tentang belas kasihan dan keadilan sosial. Perkhidmatan ini bukan sahaja meringankan beban kehidupan penerima tetapi juga mengukuhkan maruah dan harapan mereka untuk masa depan yang lebih baik.

Penemuan ini mengukuhkan kepentingan peranan pelayanan sosial dalam menyokong kebajikan komuniti yang terdedah, terutamanya di tengah-tengah krisis. Oleh itu, program bantuan seperti yang dijalankan oleh GC perlu diteruskan dan dibangunkan untuk memberi impak yang lebih luas dan mampar. Bantuan yang diberikan oleh GC memberi kesan positif kepada kesejahteraan penerima, meningkatkan akses mereka kepada makanan, kewangan dan kesihatan. Pelayanan ini selaras dengan prinsip kasih dan keadilan yang diajar dalam Alkitab dan teologi Kristian

Bibliografi

- Hays, Richard B. *The Moral Vision of the New Testament: Community, Cross, New Creation: A Contemporary Introduction to New Testament Ethics*. San Francisco: HarperOne, 1996.
- Keller, Timothy. *Generous Justice: How God's Grace Makes Us Just*. New York: Dutton, 2010.
- Schaefer, Richard T. *Social Welfare in Society*. Boston: Pearson, 2015.
- Smith, Neil. *Migration and Social Services*. London: Routledge, 2018.
- Stott, John. *The Cross of Christ*. Downers Grove: IVP Books, 2006.
- Suharsimi, Arikunto. *Metodologi Penelitian: Pendekatan Praktik*. Jakarta: Rineka Cipta, 2010.
- Wright, Christopher J. H. *Old Testament Ethics for the People of God*. Downers Grove: IVP Academic, 2004.
- Wright, N. T. *Jesus and the Victory of God*. Minneapolis: Fortress Press, 1996.
- Yufi, Achmad. Ilmu Demografi: Populasi dan Pembangunan. Bandung: Alfabeta, 2015.